

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 135 ● 1 - 6 OKTOBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Transformasi Usahawan Anak Muda Kota

Dari 'khemah 10 kaki' ke food truck

PEKA dengan situasi semasa negara dan nasib yang menimpa golongan rentan termasuk usahawan kecil sepanjang tempoh penularan wabak COVID-19, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menambah baik inisiatif Usahawan Anak Muda Kota (UAMK).

Diperkenalkan pada November tahun lalu, UAMK sudah mempunyai 181 tapak niaga berkonsepkan trend semasa dan hipster.

Malah, daripada jumlah itu, 90 usahawan terpilih berjaya mengisi kekosongan dan menjana pendapatan.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, program tersebut telah melahirkan usahawan belia merangkumi pelbagai bentuk perniagaan seperti francais, kios, car boot sales dan food truck.

"Konsep perniagaan yang diperkenalkan lebih mudah dan tidak menggunakan ruang yang besar serta bercirikan hipster," katanya.

Sementara itu, salah seorang peserta UAMK, Wan Nur Syafiqah Wan Adnan berkata, dia berjaya menjana pendapatan bulanan sehingga RM6,000.

Tambahnya, dia kini berjaya mempunyai food truck sendiri selepas berniaga di bawah khemah bersaiz kira-kira tiga meter persegi.

BERITA LANJUT DI MUKA 3, 12 DAN 13



MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menjamu selera sambil menikmati persekitaran selepas meninjau keberkesanan pelaksanaan program UAMK di Tapak Urban Street Taman Melati yang bercirikan hipster. Hadir sama Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah (kanan).

SDGs peluang Kuala Lumpur capai Agenda Mampan 2030

DEMI pembangunan dan kemajuan masyarakat dunia, Agenda Mampan 2030 digariskan United Nations Human Settlement Programme (UNHabitat) dengan memberi penekanan kepada 17 indikator utama bagi setiap bandaraya.

Ekoran itu, ia diwujudkan di Kuala Lumpur menerusi pembukaan Kuala Lumpur SDG Centre yang dilihat berkeupayaan memperkasakan ibu negara Malaysia dalam usaha menjalin perkongsian dan kolaborasi di peringkat

tempatan mahupun antarabangsa.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, Kuala Lumpur SDG Centre bukan hanya yang pertama diwujudkan di Malaysia tetapi ia turut meliputi Asia-Pasifik.

Jelas beliau, dengan kewujudan itu, ia akan berfungsi untuk memberi pendedahan umum dan meningkatkan keupayaan warga kota termasuklah pihak berkepentingan mengenai SDGs.

"Antara lain ia menghubungkan

isu berkaitan perubahan iklim, daya tahan bandar, aspek keselamatan, pembangunan bandar mampan serta komuniti sejahtera.

"Selain itu, ia juga dapat mencari penyelesaian secara inklusif dan efektif yang mampu membawa perubahan kehidupan lebih baik dan berkualiti kepada warga kota," katanya.



RMK12: Tingkatkan kesejahteraan golongan miskin tegar >> 6



Pelakasanaan Putrajaya sebagai bandar pintar

>> 9 & 10



Mangsa ribut terima bantuan, bakul makanan Yayasan Wilayah Persekutuan

>> 21

BERSAMBUNG DI MUKA 2

Bantu Kuala Lumpur untuk capai Agenda Mampan 2030 sebaris negara maju di dunia

Pusat interakif SDGs beri pendedahan

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

MATLAMAT Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDGs) yang digariskan United Nations Human Settlement Programme (UNHabitat) telah merintis kepada perubahan setiap bandaraya di dunia bagi memastikan perancangan pembangunan yang mampan dilaksanakan demi kemakmuran bersama.

Menyertai Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pembukaan Kuala Lumpur SDG Centre merupakan yang pertama diwujudkan di Malaysia dan Asia-Pasifik bertujuan untuk memperkasakan Kuala Lumpur sebagai ibu negara bagi Malaysia dalam usaha menjalin perkongsian dan kolaborasi di peringkat tempatan maupun antarabangsa.

Kuala Lumpur SDG Centre akan berfungsi untuk memberi pendedahan umum dan meningkatkan keupayaan warga kota termasuklah pihak berkepentingan mengenai SDGs.

"Antara lain ia menghubungkan isu berkaitan perubahan iklim, daya tahan bandar, aspek keselamatan, pembangunan bandar mampan serta komuniti sejahtera.

"Selain itu, ia juga dapat mencari penyelesaian secara inklusif dan efektif yang mampu membawa



SHAHIDAN (tengah) bersama Jalaluddin (kanan) diiringi Mahadi ketika melihat pameran berkenaan bandar mampan selepas melancarkan SDG Center Kuala Lumpur di Jalan Raja.

perubahan kehidupan lebih baik dan berkualiti kepada warga kota," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan SDG Centre Kuala Lumpur di Jalan Raja pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan dan Pembangunan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP),

Datuk Che Roslan Che Daud dan Ketua Pegawai Eksekutif Urbanice Malaysia, TPr Norliza Hashim.

Menurut Shahidan, berdasarkan pemerhatiannya, pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap SDGs masih rendah dan ia membataskan penglibatan inklusif dan peranan dalam perkara tersebut.

"Dengan penubuhan platform ini, DBKL memberi peluang kepada semua warga kota dan pihak berkepentingan melalui penglibatan bersama bagi menyampaikan maklumat secara terus berhubung

inisiatif pelaksanaan SDGs menjelang tahun 2030.

"Platform SDG Centre ini juga akan dapat membantu Kuala Lumpur untuk terus berada di mata dunia dan sekali gus membawa nama baik Malaysia," katanya.

Tambahnya, melihat dengan kesungguhan dan komitmen DBKL berkaitan SDGs ini, ia dapat membantu Kuala Lumpur untuk mencapai Agenda Mampan 2030 sekali gus menjadikan bandaraya ini sebaris dengan negara-negara maju lain yang berusaha menjadikan kehidupan hari ini dan akan datang menjadi lebih baik serta sejahtera," katanya.

Kata Shahidan lagi, melalui penubuhan pusat itu, Kuala Lumpur dapat memastikan semua komitmen dan inisiatif 17 SDG dapat memberi impak yang lebih besar kepada bandaraya ini.

"Ia antara lain dapat menarik pelabur dan jalinan kerjasama dari dalam dan luar negara supaya ekonomi mampan (*sustainable economy*) dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara," katanya.

Tambahnya, penubuhan pusat itu juga akan mendapat pengiktirafan UNHabitat seperti pada pengajuran World Urban Forum ke-9 (WUF9) pada 2018 lalu.

Dalam pada itu, Shahidan berkata, DBKL turut berperanan aktif dan telah banyak menjalankan inisiatif SDGs untuk kepentingan

Kuala Lumpur.

"Ia melibatkan SDG6 iaitu berkenaan 'ensure availability and sustainable management of water and sanitation' termasuklah projek 'River of Life', Pantai 2 Sewage Treatment Plant, program-program 'outreach' bersama komuniti, NGO, pelajar sekolah dan agensi kerajaan melibatkan aktiviti pembersihan sungai, bengkel dan perkongsian teknologi.

"Selain itu SDG11, berkaitan 'human settlements, inclusive, safe, resilient and sustainable' projek perumahan awam seperti Residensi Wilayah dan Projek berkaitan 'sustainable micromobility' juga seperti pengenalan kenderaan elektrik, aktiviti berbasikal dan sebagainya mampu mengurangkan pencemaran udara.

"SDG12 juga merupakan antara pencapaian terbaik Kuala Lumpur berkaitan 'Sustainable Consumption and Production Pattern'. Projek seperti 1 community, 1 Recycling (1C1R) merupakan satu kejayaan bersama komuniti bandar melalui 'barter programme' terutamanya penduduk di perumahan awam golongan B40 supaya dapat menggalakkan mereka melakukan recycle dan dapat menukar kepada barang keperluan asas seperti gula, tepung, minyak masak dan sebagainya yang turut melibatkan Syarikat Alam Flora," katanya.

WK

Masyarakat tidak seharusnya beri persepsi buruk terhadap bekas pesakit COVID-19

TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias menasihatkan orang ramai untuk tidak memberi persepsi buruk terhadap mana-mana individu yang telah dijangkiti COVID-19.

Sebaliknya, beliau berkata orang ramai untuk memberikan sokongan terhadap semua mangsa yang dijangkiti sebagai tanda kesepaduan dalam komuniti.

"Saya sampaikan mesej kepada masyarakat di sini bahawa COVID-19 merupakan penyakit yang bahaya dan tidak boleh ambil ringan.

"Walaupun kita sentiasa memberikan sokongan dan kepada individu yang pernah dijangkiti, ini juga merupakan kesepaduan dalam kelompok komuniti masyarakat yang kita tidak mengasingkan individu yang telah dijangkiti wabak tersebut," katanya kepada pemberita selepas program Sepakat@Komuniti anjuran Jabatan Penerangan Daerah Kepong dan Batu di Kampung Melayu Kepong pada Ahad.



JALALUDDIN menyerahkan sumbangan kepada penerima pada Program Sepakat@Komuniti anjuran Jabatan Penerangan Daerah Kepong dan Batu di Kampung Melayu Kepong pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Lim Ann Teck dan Pengurus Persatuan Penduduk Kampung Melayu Kepong, Datuk Md Nor Hashim.

Jelas beliau, melalui semangat Keluarga Malaysia yang dicetuskan oleh Perdana

menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, semua masyarakat perlu mengambil berat antara satu sama lain terutama dalam keadaan pandemik yang masih belum berakhir.

"Inilah waktu yang penting untuk kita semua dalam menjayakan hasrat tersebut dan kita perlu saling bekerjasama untuk keluar dari keadaan hari

ini," katanya.

Menurut Jalaluddin, meskipun kawasan Putrajaya dan Kuala Lumpur berada dalam Fasa 2, Program Pemulihan Negara (PPN) dan Labuan yang sudah memasuki Fasa 4, semua pihak harus berwaspada dan mematuhi arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa.

"Semua orang mesti menjaga segala bentuk Prosedur Operasi Standard (SOP) dari segala tiundakan yang boleh menjadi sumber dan punca penularan wabak tersebut yang lebih teruk," katanya.

Beliau turut menyampaikan sumbangan kepada kira-kira 20 penduduk yang dijangkiti dengan wabak COVID-19 serta empat buah rumah yang ditimpah bencana ribut baru-baru ini yang disumbangkan oleh Jabatan Penerangan.

Jalaluddin turut mengumumkan sumbangan sebanyak RM20,000 kepada Persatuan Penduduk Kampung Melayu Kepong dan Surau Al-Hidayah bagi kegunaan komuniti se-tempat. WK

Pembangunan Labuan dimasukkan dalam bajet tahunan KWP

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan mengambil kira pandangan daripada Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli agar peruntukan bagi kemudahan infrastruktur 27 buah kampung di Labuan dimasukkan ke dalam bajet tahunannya akan datang.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, amalan penyaluran peruntukan dan bantuan yang dijalankan pada ketika ini adalah sama seperti kampung-kampung lain dan menerusi prosedur yang sama.

"Ia termasuklah peruntukan khas luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) atau bantuan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Mana-mana peruntukan kecemasan yang diperlukan masyarakat di 27 buah kampung ini akan menggunakan peruntukan geran khas Menteri Wilayah Persekutuan," katanya ketika menjawab soalan tambahan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Justeru itu, katanya, bagi menampung dan memastikan kemudahan infrastruktur kepada 27 kampung tidak diabaikan, cadangan tersebut akan dibincangkan di dalam belanjawan KWP untuk tahun-tahun yang akan datang.

Tapak niaga bercirikan hipster lebih terbuka - Shahidan

AZLAN ZAMBRY

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mewujudkan beberapa lokasi strategik tambahan yang akan dimanfaatkan dalam program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK).

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pihaknya akan mewujudkan perancangan jangka panjang bagi menzahirkan pelbagai program berbentuk pembangunan usahawan untuk membantu dan menaik taraf kehidupan rakyat serta meringankan kos sara hidup warganya.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyusun pelbagai strategi dan perancangan bagi mewujudkan landskap usahawan yang berdaya saing bagi memajukan industri keusahawanan di sekitar Kuala Lumpur.

"Inisiatif DBKL ini termasuk menyediakan tapak niaga kepada golongan muda dengan bercirikan trend semasa," katanya ketika melawat Tapak Urban Street di Taman Melati pada Isnin.



TAPAK Urban Street Dining, Taman Melati menempatkan usahawan jenis kios yang diusahakan secara bersama Pertubuhan Usahawan Food Truck Park Kuala Lumpur dan Selangor dengan sokongan DBKL.

Hadir sama, Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datin Dr Tan Yee Kew; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Sosio Ekonomi

KWP, Datuk Parang Abai @ Thomas dan Penasihat Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Parlimen Wangsa Maju, Datuk Seri Dr Shafei Abdullah.

Jelas Shahidan, program yang dimulakan pada tahun 2020 lalu telah melahirkan usahawan belia merangkumi pelbagai bentuk perniagaan seperti francais, kios, car boot sales dan food truck.

"Konsep perniagaan yang diperkenalkan ini lebih mudah dan tidak menggunakan ruang yang besar.

"Sehingga kini, sebanyak 181 tapak telah diisi usahawan dan 90 daripadanya telah memulakan operasi di Kuala Lumpur," katanya.

Katanya, sebagai menyokong inisiatif tersebut, pihak DBKL telah menyediakan lokaliti khusus bagi membolehkan usahawan muda kota menjalankan perniagaan dengan lebih kemas dan teratur.

"DBKL turut mewujudkan beberapa lokasi strategik bagi usahawan di sekitar Kuala Lumpur bagi membolehkan mereka mempunyai lokaliti yang sesuai dan sistematis," katanya.

KANOPI HIPSTER DI TAPAK URBAN STREET DINING, TAMAN MELATI

Shahidan berkata, antara lokasi yang dipilih adalah di Tapak Urban

Street Dining, Taman Melati yang menempatkan usahawan jenis kios yang diusahakan secara bersama Pertubuhan Usahawan Food Truck Park Kuala Lumpur dan Selangor dengan sokongan DBKL.

"Ruang niaga yang disediakan adalah berkonseptkan outdoor food court, menggunakan kanopi dan bercirikan persekitaran hipster. Di lokasi ini, sejumlah 17 tapak telah tersedia untuk usahawan.

LAGI GAMBAR DI MUKA 12 DAN 13

"Usahawan yang beroperasi di lokasi ini terdiri daripada golongan belia dan program berkenaan dilihat dapat membantu mereka untuk menambahkan pendapatan memandangkan kebanyakannya terjejas punca pendapatan ekoran pandemik COVID-19," katanya.

Program UAMK tersebut akan melibatkan kira-kira 1,122 kios di 169 lokasi di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Reka bentuk yang dicadangkan juga akan kelihatan lebih moden, teratur, kemas dan bersih sesuai dengan imejnya sebagai bandar yang menjadi tumpuan orang ramai. **WK**

Dari khemah 10 kaki persegi Wan Nur Syafiqah ke food truck

UAMK: Raih untung RM6,000 sebulan

MENYEDARI musibah pandemik COVID-19 telah 'membunuh' banyak perniagaan dalam negara, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) tampil dengan inisiatif Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) yang bertujuan membantu golongan muda terkesan untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Program yang bermula pada November 2020 itu bukan sahaja telah membuka peluang untuk golongan tersebut menambah pendapatan, malah turut merangsang ekonomi war-

ga kota sekali gus meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Menurut **Wan Nur Syafiqah Wan Adnan**, 24, keputusan untuk membuka perniagaan di kawasan Tapak Urban Street, Taman Melati membuka langkah kanan buatnya apabila mampu memberikan kejayaan kepadanya dalam masa singkat.

"Sebelum ini kami jalankan perniagaan dari rumah secara atas talian dan menghantar pesanan.

"Selepas membuat keputusan untuk bermula secara sepenuh masa, kami memohon tapak di sini dan pada waktu itu ia dikenali sebagai Corridor Street Food," katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin.



JUALAN menggunakan food truck lebih efektif dan memudahkan peniaga mahupun pembeli.

Wan Nur Syafiqah berkata, ketika mula bermula di Tapak Urban Street, Taman Melati dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), barang jualan ditempatkan di sebuah khemah kecil berukuran kira-kira tiga meter persegi (10 kaki persegi).

"Ketika itu, kerajaan tidak membenarkan *dine-in*. Namun kami tetap jalankan perniagaan kerana orang ramai dan penduduk sekitar sudah mengenali kawasan ini," katanya.

Katanya, sepanjang bermula di kawasan tersebut, perniagaannya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk sekitar dan orang ramai yang mengetahui lokasi.

Jelasnya, untuk bulan pertama bermula, walaupun ketika itu masih sahaja tanpa ada bayaran lain.

pu meraih keuntungan kira-kira RM6,000 sebulan.

Bercerita lanjut, Wan Nur Syafiqah berkata, berbekalkan duit simpanan serta mempunyai fokus untuk mengembangkan perniagaan, dia beralih daripada bermula di dalam khemah kepada food truck.

"Untuk mendapatkan kenderaan food truck ini, kami menyimpan duit keuntungan bermula di sini. Selain turut mempunyai beberapa ejen di Lembah Klang," katanya.

Jelas Wan Nur Syafiqah, program berkenaan amat bermanfaat kepada golongan sepertinya yang mahu memulakan perniagaan tapi ketiadaan modal besar.

"Bayaran yang dikenakan untuk sewaan tapak ini hanyalah RM500 sahaja tanpa ada bayaran lain.

"Malah segala urusan permo-

honan lesen amat mudah tanpa sebarang halangan birokrasi daripada pihak DBKL. Ini menunjukkan bahawa program ini memang memudahkan golongan muda seperti kami untuk bermula."

"Selain itu, kami juga mendapat jaminan tapak bermula kerana walaupun telah beroperasi menggunakan food truck, kami tetapi diberikan tapak untuk bermula di sini," katanya. **WK**

“60% diskon sewa tapak untuk usahawan muda kota di Corridor Street Food Centre, Taman Melati, WP Kuala Lumpur sehingga Disember 2021”

YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
Menteri Wilayah Persekutuan



TUAK NIRA KELAPA ORIGINAL

Coconut juice

Sentuhan Kasih Ibu satukan Keluarga Malaysia

HAZIRAH HALIM

DAPUR adalah tempat sinonim yang diibaratkan sebagai ‘jantung hati’ buat seseorang yang minat memasak. Ruangan ini bukan hanya untuk menyerlah bakat dalam bidang masakan, tetapi ia juga mengeratkan hubungan silaturrahim tanpa mengira status pangkat dan darjah seseorang.

Menerusi program Sentuhan Kasih Ibu @ Rumah Prihatin yang menyaksikan isteri Kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datin Seri Shamsiah Md Yassin menyinsing lengan untuk menyediakan juadah makan malam buat petugas bariisan hadapan dan golongan memerlukan telah menyatukan beliau dan petugas Dapur Prihatin.

Ketua Chef Dapur Prihatin, **Hasnaerdawaty Md Hanapi** berkata, program ini telah memberi peluang untuknya mengenali peribadi isteri



Chef

Menteri Wilayah Persekutuan dengan lebih dekat memandangkan aktiviti ini adalah yang pertama disertainya sejak suaminya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dilantik sebagai Menteri Wilayah

Persekutuan.

“Umum mengetahui, agak sukar buat rakyat untuk bertemu dengan orang atasan seperti menteri dan



ISTERI kepada Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datin Suhaila antara tetamu yang turut membantu Datin Seri Shamsiah Md Yassin memasak di Dapur Prihatin, baru-baru ini.

perlu ada protokol tertentu. Namun, melalui program ini, kami dapat mengenali beliau dengan lebih rapat dan hubungan itu lebih terserlah di samping melakukan kerja-kerja amal bersamanya,” katanya kepada Wilayahku.

Bercerita lanjut, Hasnaerdawaty menzahirkan perasaan teruja dan bersyukur apabila Shamsiah bersetuju dengan ‘lamaran’nya untuk membantunya memasak di Dapur Prihatin.

“Saya berjumpa Datin

Seri Shamsiah pada malam sambutan Kasih Merdeka@ RumahPrihatin pada 30 Ogos lalu, dan saya mencadangkan kepada mereka untuk masak bersama kami bagi menyediakan juadah makan malam untuk kakitangan dan golongan memerlukan.

“Kebetulan beliau memang minat memasak dan gemar agihkan makanan kepada rakyat dan terus bersetuju dengan cadangan tersebut,” katanya.

Tambah Hasnaerdawaty, Datin Seri Shamsiah akan turun memasak bersama-sama dengan petugas Dapur Prihatin setiap minggu untuk menyediakan juadah makan malam sebelum ia diagihkan petugas PriVo.

Hasnaerdawaty turut merancang untuk menerbitkan sebuah buku masakan bersama Datin Seri Shamsiah setelah program Sentuhan Kasih Ibu selesai untuk dikongsikan kepada seluruh masyarakat.

Difahamkan, Program Sentuhan Kasih Ibu yang bermula pada 8 September lalu telah memasuki minggu keempat diadakan di Dapur Prihatin, baru-baru ini. **WK**

Sebahagian laluan MRR2 ditutup enam bulan untuk kerja pembinaan lebuhraya SUKE

SEBAHAGIAN laluan lebuhraya lingkaran Tengah 2 (MRR2) akan ditutup enam bulan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE).


Dalam satu kenyataan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata penutupan lorong dan laluan kontra akan dilaksanakan di laluan berhampiran Bandar Tasik Selatan dan Terminal Bersepadu Selatan (kedua-dua arah) bagi memudahkan pelaksanaan kerja.

“Pihak konsesi Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE) – PROLINTAS sedang melaksanakan kerja-kerja pembinaan cross head dan tiang portal di sebahagian lebuhraya tersebut.

“Lencongan dan laluan kontra akan mula diaktifkan pada 11 September hingga 10 Disember 2021 bagi Fasa 1 dan 11 Disember hingga 10 Mac 2022 untuk Fasa 2,” katanya.

Sehubungan itu, pengguna jalan raya dinasihatkan supaya mematuhi isyarat papan tanda yang diletakkan di lokasi sebagai panduan bagi mengelakkan kekeliruan dan langkah keselamatan.

“Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang PROLINTAS di www.mysuke.com.my atau akaun [Twitter](https://twitter.com/mySUKEmofficial) SUKE di @mySUKEmofficial dan boleh hubungi talian hotline 24 jam PROLINTAS di 1 300 88 99 22 untuk keterangan lanjut,” katanya. **WK**

**SIDANG REDAKSI****PENGURUS BESAR**

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiewmun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Syahidi Bakar
diwilayahku@gmail.com

Sabrina Sabre

nsabrinaakmal@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahn52@gmail.com
Diana Amir
dianasyuhada@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

Taufik Mohd Pauze

kikkywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Fariq Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@ayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@ayasanwp.org.my

V Kumar Veeran

veeran1010@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Jumaitul Laily Zakiah Ismail
jumaitul@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Muhammad Adib Zailani

CERITA KEDAI KOPI

Miskin tegar di KL meningkat

BERITA yang tidak seronok didengar apabila kawan-kawan Kedai Kopi dapat tahu bilangan miskin tegar di Kuala Lumpur meningkat sehingga empat kali ganda tahun ini berbanding tahun lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Shahidan Kassim** memberitahu Dewan Rakyat, lebih ramai keluarga jatuh ke dalam kategori miskin tegar melibatkan 4,815 rumah tahun ini berbanding 1,109 tahun lalu.

Selain itu, isi rumah dalam kategori miskin juga meningkat daripada 2,200 tahun lalu kepada 5,617 tahun ini. Peningkatan yang begitu ketara dan merisaukan.

Kenapa berlaku kenaikan mendadak miskin tegar dan isi rumah miskin ini? Mengkinkan kerana tempias pandemik COVID-19 yang menyebabkan ramai hilang kerja dan sumber pendapatan lantaran tempat di mana mereka mencari rezeki gulung tikar atau mengelakkan saiz operasi?

Di piyah kerajaan, seperti ditegaskan oleh Shahidan, pelbagai bentuk bantuan diberi. Antaranya pengecualian sewa melibatkan 4,000 penyewa di Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur. Juga menaggukkan pembayaran pinjaman melibatkan 6,000 peniaga di kawasan Perumahan Awam.

Bantuan lain termasuk pembayaran sekali bayar atau *one-off* berjumlah RM500 kepada 23,000 pengusaha gerai. Turut diberi ialah bantuan makanan kepada 65,000 keluarga di Kuala Lumpur dan 1,000 keluarga di Putrajaya, di samping baucar kembali ke sekolah meliputi 26,000 murid.

Sementara bantuan kerajaan dial-alukan untuk mengurangkan beban miskin tegar, ia merupakan bantuan jangka pendek. Golongan ini memerlukan dahan bergantung yang lebih kukuh untuk berpaut demi kelangsungan hidup.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi berharap dengan pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi berikut perubahan dalam fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) akan membawa bersamanya lebih banyak peluang pekerjaan untuk mereka.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) juga boleh memberi peluang kepada lebih ramai daripada kelompok ini berdikari dengan menyediakan peluang berniaga misalnya. Inisiatif Wilayah Bebas Beriaga (IWBB) yang dilaksanakan sekarang adalah contoh terbaik. Perluaskan peluang berniaga di bawah inisiatif ini.

Menunggu rumah awam

PROJEK Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang bertujuan menyediakan kediaman untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana sentiasa menjadi pilihan kerana sewanya sangat berputatan.

Namun tidak semua berpeluang menyewa rumah PPR dan PA kerana permintaan terlalu tinggi sedangkan penawaran terhad. Setiap tahun jumlah permohonan pula kian bertambah.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, DBKL telah menerima 9,948 permohonan sewa unit PPR dan PA di sekitar Kuala Lumpur sejak tahun 2019 hingga Ogos 2021. Daripada jumlah tersebut, 1,540 permohonan diluluskan.


Bagaimanapun daripada jumlah itu hanya 620 sahaja menerima tawaran sewa rumah manakala bakinya sebanyak 920 masih menunggu giliran, antaranya kerana proses baik pulih unit-unit rumah masih dijalankan.

Yang merisaukan kini ialah bagaimana memenuhi jumlah permohonan yang tinggi dan terus bertambah? Satu cara ialah dengan DBKL membina lebih banyak PPR dan PA. Namun jika pun ini dilakukan ia mengambil masa sedangkan keperluan begitu mendadak.

Kaedah lain ialah DBKL mestilah memastikan hanya mereka yang benar-benar layak diluluskan permohonan. Setiap permohonan perlulah diteliti dan ditapis, jangan sampai yang kaya terlepas.

Ini kerana pernah timbul cerita terdapat mereka daripada golongan berada dan memiliki rumah sendiri tetapi menyewa di rumah PPR atau PA. Rumah sendiri disewakan pada kadar tinggi. Perbuatan mencari untung ini sangat tidak bertanggung jawab, melepaskan peluang yang benar-benar layak.

Juga penting dipastikan mereka yang telah melepassi syarat kelayakan tidak dibenarkan terus tinggal di PPR dan PA. Mereka perlu segera berpindah. Berilah peluang kepada yang lebih memerlukan.



RAKAN STRATEGIK



KAYUHAN HIJAU SECARA VIRTUAL

JARAK
KAYUHAN
25KM

TAMAT



SILA IMBAS QR CODE
UNTUK PENDAFTARAN



PENDAFTARAN
25 Ogos 2021
HINGGA
10 Oktober 2021

TEMPOH KAYUHAN
Sehingga
15 Oktober 2021

yuran penyertaan **RM 80.00**

Bank Muamalat
14080001281714
KELAB SUKAN
Dan Kebajikan
JAS WPKL (KASKUL)

BUKTI PEMBAYARAN
Amin
014-5064215
Mar
018-3810122

KIT PENYERTAAN



Jersi
&
No. Plat



Medal
&
e-Sijil



Perlindungan
Insurans



Cabutan
Bertuah
Pengeposan
Percuma



> 200
hadiah
CABUTAN BERTUAH
menanti
A N D A

PERTANDINGAN SWAFOTO
& video ucapan alam sekitar
hadiah
PERTAMA = RM500.00
Kedua = RM300.00
KETIGA = RM100.00

UNTUK KETERANGAN LANJUT
Nor Liza 014-6030610
Luqman 012-3137179
Nor 011-59554306
Fisol 012-4706728
Haslinda 0129386245

JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



JABATAN ALAM SEKITAR

"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

RANCANGAN Malaysia ke-12 (RMK12) bertemakan "Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan" yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Isnin lepas, menjadi tumpuan pemerhati ekonomi dan sosial yang ingin melihat adakah pelan itu mampu menjamin masa depan yang lebih baik untuk rakyat negara ini, khususnya golongan miskin tegar.

Mengambil kira RMK12 digubal dan dibentang semasa negara sedang mengharungi cabaran getir dari segi ekonomi dan keselamatan rakyat akibat penularan pandemik COVID-19, mereka mengharapkan perancangan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun hingga 2025 itu dapat meningkatkan lagi kesejahteraan hidup kelompok miskin (B40) dan miskin tegar yang begitu terkesan oleh pandemik tersebut.

Malah, COVID-19 turut menyaksikan sebilangan besar golongan M40 (berpendapatan sederhana tinggi) kini berada dalam kelompok B40.

Tidak dinafikan, lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang diberikan kerajaan sejak Mac 2020, sedikit-sebanyak berjaya membantu golongan tersebut, namun kebanyakan pakar mengharapkan kerajaan menggubal pelan yang boleh memberikan keleagaan berpanjangan kepada kelompok terbabit.

Kerajaan jelas menyedari hakikat ini apabila Ismail Sabri semasa membentangkan RMK12 di Parlimen, berulang kali menekankan kepentingan memperkuuh Keluarga Malaysia dengan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan peluang dan hasil lebih saksama, serta tumpuan kerajaan membasmikan kemiskinan tegar dan merapatkan jurang pendapatan yang menjadi antara sembilan fokus utama RMK12.

Ini termasuklah menangani kemelut pemilikan rumah golongan B40, bantuan bersasar serta penubuhan unit khusus di peringkat persekutuan dan daerah dalam menguruskan isu kemiskinan tegar. Aspek pendidikan dan kesihatan komuniti ini juga turut diberikan perhatian jitu oleh kerajaan menerusi RMK12.

USAHA BASMI MISKIN TEGAR

Beberapa pakar ekonomi dan sosial yang ditemu bual Bernama mengenai RMK12, berpandangan inisiatif jangka panjang tersebut jelas membuktikan komitmen kerajaan yang mahu melihat

RMK12: Tingkatkan kesejahteraan golongan miskin tegar



PERDANA Menteri semasa membentangkan RMK12 di Parlimen, berulang kali menekankan kepentingan memperkuuh Keluarga Malaysia dengan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan peluang dan hasil lebih saksama.

komuniti itu menikmati kehidupan yang lebih baik, tidak terpinggir daripada arus kemajuan, sejajar dengan konsep Keluarga Malaysia.

Penganalisis ekonomi Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff mengakui akan komitmen tinggi kerajaan dalam pembasmian kemiskinan tegar apabila masalah itu dijadikan antara fokus utama RMK12.

"Fokus ini amat penting kerana sejak berlakunya pandemik pada tahun lepas, data menunjukkan purata pendapatan rakyat telah menurun sebanyak sembilan peratus, pengangguran kekal tinggi melebihi 700,000 orang dan golongan miskin tegar semakin meningkat. Malahan, ramai dulu yang diklasifikasikan sebagai M40 kini mempunyai pendapatan golongan B40.

"Perkara ini amat serius dan harus ditangani dengan segera untuk mengelakkannya berlaku permasalahan lain, iaitu masalah sosial dan jenayah. Oleh itu, langkah kerajaan untuk membasmikan kemiskinan tegar ini adalah tepat pada masanya," katanya kepada Bernama.

Beliau yang tertarik dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan pendapatan isi rumah dan merapatkan jurang kekayaan dalam rancangan jangka panjang tersebut, berkata inisiatif berbentuk bantuan bersasar seperti pemberian wang tunai dan perlindungan sosial kepada golongan B40, adalah masih relevan tetapi hanya dapat menangani masalah itu untuk jangka pendek.

Katanya langkah kerajaan memperkenalkan Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan

“Menerusi RMK12, bantuan bersasar seperti pemberian wang tunai dan perlindungan sosial akan diteruskan kepada mereka yang layak, manakala Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat di luar bandar dengan peruntukan berjumlah RM1.5 bilion, akan diperkuuh bagi meningkatkan kebolehpasaran, kesejahteraan dan kuasa beli keluarga B40.

Kesejahteraan Rakyat di luar bandar harus dipuji, kerana menerusi inisiatif itu golongan miskin diharap mampu berdikari dan keluar daripada kepompong kemiskinan secara sendiri.

"Saya harap program dan skim sedemikian rupa tidak hanya menumpukan kepada bantuan modal perniagaan dan tapak perniagaan semata-mata, tetapi turut menekankan aspek pembangunan modal insan dan juga inisiatif 'coaching' dan 'mentoring,'" katanya.

Menerusi RMK12, bantuan bersasar seperti pemberian wang tunai dan perlindungan sosial akan diteruskan kepada mereka yang layak, manakala Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar dan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat di luar bandar dengan peruntukan berjumlah RM1.5 bilion, akan

diperkuuh bagi meningkatkan kebolehpasaran, kesejahteraan dan kuasa beli keluarga B40.

KURANGKAN BIROKRASI

Sementara itu, pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya Dr Mohammad Tawfik Yaakub berkata antara inisiatif membasmikan kemiskinan tegar RMK12 yang menarik perhatian beliau ialah perubahan unit khusus di peringkat persekutuan dan pejabat daerah, bertujuan mengurangkan kerohanian birokrasi selain memastikan tiada yang terpinggir dan bantuan pula diterima dengan cepat oleh golongan miskin tegar.

"Ya, kita mempunyai Jabatan

Kebajikan Masyarakat dan pelbagai agensi lain yang ditubuhkan bagi tujuan membantu taraf hidup kelompok miskin tegar, tetapi wujud kelemahan-kelemahan ketara, sekali gus menyukarkan program pembasmian kemiskinan ini direalisasikan sepenuhnya.

"(Adanya unit ini) penyaluran dana terus daripada kerajaan persekutuan kepada unit yang ditubuhkan tanpa melalui lapisan birokrasi yang terlalu banyak," katanya.

Dalam memastikan tidak ada yang terpinggir dalam program pembasmian kemiskinan, unit khusus peringkat persekutuan dan daerah akan ditubuhkan menerusi RMK12 dan ia bertanggungjawab menyelaras pangkalan data secara bersepadu serta semua program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan, sektor korporat dan pertubuhan masyarakat (CSO).

"Dengan adanya ini, pegawai kerajaan tidak boleh hanya menunggu rakyat datang membuat permohonan tetapi jentera pembasmian kemiskinan perlu digerakkan ke seluruh negara, sekali gus mempercepat proses bantuan penduduk miskin, permohonan bantuan jangka pendek dan jangka

panjang mereka," katanya.

Berkaitan dengan pemilikan kediaman untuk golongan B40, geostrategis Azmi Hassan berkata walaupun isu itu tidak berkait secara langsung dengan pembasmian kemiskinan, penyediaan perumahan yang selesa dan mampu milik secara tidak langsung dapat mengurangkan kos kehidupan golongan berkenaan, terutamanya di bandar-bandar.

Kerajaan menerusi RMK12, komited memastikan penyediaan rumah yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik dengan memperuntukkan RM2.25 bilion sebagai bantuan perumahan kepada rakyat miskin.

- BERNAMA

SAJAK

MENJELING KUALA LUMPUR DI MALAM HARI

Selamat malam Kuala Lumpur, udaramu panas sekali seperti juga panasnya pertarungan orang mencari penghidupan di geladak durja corona virus tak bermata

Orang-orang bersesak dalam train kota sebahagian lagi harus menyewa grab siap siaga melayan pengunjung berbelanja melewati Mall dan arus bingit kotaraya,

Orang-orang berdiri di pinggir jalan dengan peluh meleleh tubuh melekit aromanya menusuk rongga hidung mereka yang lalu lalang,

Kenderaan bersesak di jalanan berapa banyak lagi akan berhimpit di sini? menunggu lampu hijau mengerdip mata apa kabar teman-teman penghuni kota sudah makan atau belum,

Orang-orang bersorak di Bukit Bintang turut berhibur dengan dendangan busker di kaki lima jalanan suara nyanyian yang serak melantun lelah pun hilang ditelan neon terang-benderang,

Panas membahang udara di sini seperti panasnya persaingan politikus rakus terdesak, siku menyiku berebut laba di kerusi nan satu,

Kini netizen tumpang menuju menjadi stringer dan pembaca berita sebahagiannya menjadi penganalisis buta menabur fitnah di ruang maya,

Selamat malam Kuala Lumpur aku dalam kepanasan dan hampir gila.

Raheem Jay
AKLI



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

'Buka pintu': Sepakat bawa berkat

DASAR 'buka pintu' Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim, mengingatkan Adi kepada dasar 'Pintu Tertutup' dan 'Pintu Terbuka' negara China.

Ketika China mengamalkan polisi 'Pintu Tertutup', atau *Closed Door Policy*, negara kuasa besar Asia dan dunia itu hidup dalam lingkungan dirinya sendiri, tersisih daripada kegiatan sosio-ekonomi antarabangsa.

Tentu ini merugikan kerana China mempunyai potensi perdagangan antarabangsa dan hubungan luar yang besar dan luas dengan negara-negara lain. Dengan itu ia mampu mengembangkan lagi sektor sosio-ekonominya, di samping menempatkan diri dalam kelompok negara utama dunia.

Apabila Deng Xioping memegang tumpuk kuasa pada 1978 dia mengumumkan 'Dasar Pintu Terbuka' atau *Open Door Policy* yang menyaksikan China keluar daripada kepompong dan berinteraksi dengan negara luar serta melebarkan sayap perdagangannya.

Ini belum menyebut kejayaan yang dicapai dalam bidang lain seperti sukan. China yang selama ini menyimpan segala kehebatan sukan kepada diri sendiri menjadi kuasa dunia dalam pelbagai jenis sukan. Dunia hanya tahu kehebatan China selepas ia membuka pintu.

China meraih banyak keuntungan daripada perdagangan antarabangsa yang secara tidak langsung juga turut memakmurkan negara-negara lain, khususnya negara jiran. Kini China adalah antara kuasa ekonomi besar dunia.

Barangkali atas premis inilah Shahidan Kassim melaksanakan dasar 'buka pintu' kepada pemimpin politik, khususnya ahli parlimen Wilayah Persekutuan, baik di pihak kerajaan atau pembangkang, untuk sama-sama berganding bahu menggerakkan kemajuan WP dan kesejahteraan warganya.

Wilayah Persekutuan mempunyai 13 kawasan parlimen. Titiwangsa dan Bandar Tun Razak diwakli oleh Bersatu, Putrajaya oleh UMNO. Setiawangsa, Lembah Pantai, Wangsa Maju dan Batu diwakli oleh PKR. Cheras, Seputeh, Bukit Bintang, Kepong dan Segambut diwakili DAP. Labuan diwakli parti Warisan.

Bagi Adi, usaha Shahidan 'buka pintu' adalah satu anjakan berpolitik yang menyerlahkan kematangan pemimpin politik berlainan kapal.

Selama ini seolah-olah menjadi tradisi pembangkang kerjaya hanya untuk membangkang dan meremehkan usaha kerajaan demi kepentingan politik.

Namun kali ini mereka diberi peluang untuk sama-sama



KERATAN Muka Depan Akhbar Wilayahku edisi 134.

berganding bahu memberi buah fikiran dan merumus dasar terbaik bagi menggerakkan kemajuan WP dan kesejahteraan warganya di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Gunakan peluang ini sebaik-baiknya.

Ahli-ahli parlimen pembangkang kini boleh menyalurkan masalah di kawasan yang mereka wakili dengan lebih berkesan dan dalam suasana persahabatan. Hasilnya tentu lebih pantas dan memuaskan. Tidak perlu berapi-api menundung jari dan mengeruhkan suasana.

Dasar 'buka pintu' ini sangat bersesuaian dengan memorandum persefahaman yang ditandatangani oleh Perdana Menteri, Datuk Ismail Sabri Yaacob, dengan para pemimpin pembangkang pada 13 September.

Melalui memorandum ini, mereka setuju meredakan kehangatan berpolitik. Sebaliknya keutamaan dan tumpuan dijurus

kepada kepentingan rakyat dan negara, khususnya dalam suasana pandemik COVID-19 sekarang.

Seperti ditegaskan oleh Shahidan, beliau membuka pintu demi kemaslahatan warga serta pembangunan WP. Adi sokong pendekatan beliau dan berharap semua ahli parlimen WP bekerja bersama-sama dengannya dengan mengenepikan kepentingan politik dan peribadi.

Dalam melaksanakan konsep 'Keluarga Malaysia' dan mendepani permasalahan yang ditanggung rakyat, bagi Adi tiada cara lebih baik melainkan kesemuanya yang terlibat mencari titik persamaan dan mengenepikan perbezaan.

Setiap ahli parlimen mempunyai peranan dan tanggung jawab membangunkan kawasan dan menjaga kebajikan rakyat. Peranan ini seharusnya menjadi agenda bersama bagi membawa hasil yang lebih berkesan dan menyeluruh

MAKLUMAN AWAM



“Bagi Adi, usaha Shahidan ‘buka pintu’ adalah satu anjakan berpolitik yang menyerlahkan kematangan pemimpin politik berlainan kapal.

demi kesejahteraan Wilayah Persekutuan.

Adi percaya konsep 'buka pintu' akan melancarkan lagi setiap program yang disusun untuk kemajuan WP dan warganya. Seperti kata peribahasa, 'bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat'. Sepakat membawa berkat.

YWP BANTU BAKAL MAHASIWA IPTA

Sesi baru pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi Semester 1 bermula Oktober. Pelajar-pelajar baharu dijangka mendaftar pada awal minggu kedua secara bersemuka di kampus IPTA seluruh negara. Dijangka 23,487 pelajar baharu akan mendaftar.

Pelajar-pelajar lama pula dijadual kembali ke kampus minggu berikutnya untuk meneruskan kuliah secara bersemuka setelah sekian lama mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian atau *online* berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Adi percaya tentu ramai mahasiswa sudah rindu kembali ke kampus. Namun kali ini mereka kembali dalam norma baharu dan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka dan penjarakan fizikal.

Memasuki IPTA pasti memerlukan wang. Bagi pelajar kurang mampu di Wilayah Persekutuan (WP), mereka berpeluang meminta bantuan pelajaran melalui dua saluran. Pertama melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Kedua melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Tetapi tidak boleh meminta bantuan daripada kedua-dua badan berkenaan serentak.

Adi kagum dengan YWP yang sentiasa berusaha memberi bantuan kepada bakal mahasiswa sejak 2015. Ini meringankan beban ibu bapa pada waktu mencabar akibat pandemik COVID-19. Tahun ini anak-anak WP yang berjaya ke menara gading boleh memohon bantuan Skim Biasiswa Pengajian Tinggi YWP.

Sasaran YWP tahun ini ialah memberi biasiswa kepada 200 pelajar yang telah mendapat tawaran pengajian peringkat ijazah pertama di IPTA seluruh Malaysia secara sepenuh

masa sahaja.

Syarat utama permohonan biasiswa ialah pendapatan per kapita seluruh keluarga tidak lebih RM1,000 sebulan. Pemohon mestilah warga negara Malaysia, lahir dan menetap di WP Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan. Ibu bapa mestilah pengundi di WP. Juga tidak menerima tawaran tajaan daripada mana-mana pihak lain.

Bakal pelajar boleh memperoleh borang permohonan di laman sesawang YWP atau hadir ke pejabat YWP di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Adi sarankan pelajar yang layak buatlah permohonan. Ini adalah kemudahan disediakan oleh YWP untuk warganya. Gunakan sepenuhnya kemudahan yang diberi dan tumpukan perhatian kepada pelajaran untuk masa depan diri sendiri dan keluarga.

Kepada mereka yang memohon bantuan PTPTN, perbadanan itu akan memberi wang pinjaman pendahuluan (WPP) berjumlah RM1,500 seorang sebagai ongkos membantu pelajar menampung sebahagian bayaran kemasukan.

Wang ini diberi kepada pelajar warga Malaysia yang bersetuju menerima WPP semasa mengisi borang permohonan di UPU *Online* atau melalui portal kemasukan IPTA.

Adi ucapan tahniah kepada anak WP yang berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading, juga pelajar lama yang kembali ke kampus. Belajarlah bersungguh-sungguh agar menjadi insan berguna kepada keluarga, bangsa dan negara.

- Adi Tuah

Adi Tuah

SAJAK

DI WILAYAH HATI

Sebahagian tekad sudah terlunas tidak lagi menjadi duri di hati sebahagiannya pula masih tetap menjadi perangsang diri bukan untuk dilunasi tetapi sengaja disisakan sebagai catatan baca bawah pohon kenangan biar juga ia menjadi keraian bagi sebuah kemerdekaan

Kau bertanya apa sebenarnya yang aku maksudkan selain pelajaran berguna dari titipan perjuangan kisah silam antara sahsiah nenek moyang

Maka kau bacalah sejarah ranah dan wilayah membangun peradaban sambil kita tak melupakan sejarah tentang ketamadunan bangsa

Ross Nina Ahmad
Kota Kinabalu

Usaha buka Dapur Prihatin secara fizikal sedang diperhalusi MKN

Rezeki tidak disangka - penerima

SUMBANGAN makanan yang diedarkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sekitar pulul 12 tengahari pastinya berjaya mengukir senyuman pada wajah pengguna-pengguna transit aliran ringan (LRT).

Seperti yang dilaksana di Stesen LRT Kerinchi Kuala Lumpur pada Selasa lalu, rata-rata pengguna yang menerima sumbangan sejurus tiba di stesen tersebut menzahirkan rasa syukur dan gembira kerana mereka belum menikmati hidangan tengah hari disebabkan kesibukan kerja selain kekangan kewangan.

Malah ada yang menganggapnya sebagai rezeki tidak disangka.

Bagi T Tanasegasen, 26, dia bersyukur kerana turut menerima sumbangan makanan berkenaan sejurus keluar dari gerabak LRT.

Katanya, tindakan tersebut wajar diteruskan dan dilaksanakan secara



berkala kerana dapat membantu masyarakat yang dalam kesusaahan.

"Satu perkara yang baik. Saya juga rasa bersyukur kerana mendapat sumbangan ini dalam keadaan bergegas untuk masuk kerja dan masih belum makan," kata pekerja khidmat pelanggan J&T Express.

Menurut **Sofea Aminudin** pula, makanan yang diterimanya itu juga agak 'mewah' kerana mempunyai dua jenis lauk dan disertakan dengan buah-buahan seperti saranan pakar pemakanan seimbang.

Anak gadis berusia 23 tahun ini juga menzahirkan rasa terima kasih dengan rezeki yang tidak disangka itu kerana dia belum menikmati hidangan tengah hari selepas menghadiri temu duga kerja.

Turut menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih, **Zulhelmi Mohd Fauzi**, 27, yang menerima sumban-



IRWAN menyerahkan pek makanan tengahari kepada salah seorang pengguna LRT yang turun di Stesen Kerinchi pada Selasa.

gan makanan ketika menunggu ketibaan tren di stesen berkenaan.

"Saya berterima kasih dengan sumbangan nasi kerana ia menjimatkan perbelanjaan hari ini (28 September)," katanya yang dalam perjalanan dari Pasar Seni ke SS15.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Rumah Prihatin, **Datuk Mohd**

bulan itu, lebih 50,000 penerima mendapat manfaat dan mereka terdiri daripada pelbagai kaum serta latar belakang.

Mengulas tentang perubahan Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), beliau berkata, Dapur Prihatin adalah entiti yang fleksibel dan sentiasa berubah mengikut masa.

"Jadi untuk fasa kedua dan ketiga, kita sudah mendapat pandangan sama ada perlu teruskan dengan inisiatif *out-reach* atau adakah Dapur Prihatin boleh dibuka kepada orang ramai untuk makan di Rumah Prihatin.

"Perkara ini kita perhalusi dan sekarang sedang mendapatkan pandangan serta kelulusan daripada MKN (Majlis Keselamatan Negara) kerana usaha untuk membantu perlu seiring dengan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP)," katanya sambil menambah pihaknya berseidia mewujudkan Dapur Prihatin luar daripada Rumah Prihatin namun ia haruslah selaras dengan kesesuaian semasa dan permintaan di kawasan atau parlimen tertentu. **WK**

Alamanda teruskan sumbangan kepada *frontliner* di Hospital

NAZWIN NAZRI

PUSAT beli belah Alamanda yang terkenal dengan pendekatan mesra komuniti menyambut ketibaan Hari Malaysia pada tahun ini dengan memperingati kerangat dan pengorbanan warga kerja petugas barisan hadapan Hospital Putrajaya yang sehingga kini berhemps pulas dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Pada 22 September lalu, sekali lagi pusat beli belah Alamanda menyurukkan peruntukan makanan yang bernilai RM10,000 kepada Hospital Putrajaya.

Sumbangan kali ketiga bagi tahun ini diserahkan kepada Pengarah Hospital Putrajaya, Datuk Dr Nora'i Mohd Said.

Ketua Pegawai Esekutif Suria

KLCC Sdn Bhd, **Andrew Brien** berkata, sumbangan makanan dan minuman itu adalah kesinambungan tema 'We Are With You' yang mana pihak pengurusan akan terus memperkasakannya bagi membantu pejuang barisan hadapan negara.

"Hari Malaysia adalah sambutan yang perlu diwacanakan sebagai titik penilaian aspek kemanusiaan dari sudut yang lebih mendalam.

"Seiring dengan usaha rakyat Malaysia yang terus melawan wabak COVID-19, sokongan yang konsisten buat petugas barisan hadapan tidak boleh di ambil mudah," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya, lanjut dari kerjasama murni dan sifat bermurah hati dalam kalangan pelbagai pihak ini secara tidak langsung akan terus memberikan semangat

dan kecekalan untuk masyarakat bersatu hati meneruskan perjuangan melawan pandemik.

Tambah Brien, pendekatan aktiviti tanggungjawab sosial pada kali ini diteruskan untuk menyambung inisiatif kompleks beli-belah Alamanda yang sedia membantu para pejuang barisan hadapan dan kelompok komuniti.

Dalam pada itu, Dr Nora'i berkata, beliau mewakili seluruh warga kerja dan rakan seperjuangan ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan pusat beli belah Alamanda di atas inisiatif murni dalam menghulurkan bantuan khususnya di kala tempoh getir ini untuk ramai pihak.

Terdahulu, pengurusan Alamanda membeli bekalan dalam bentuk makanan dan minuman sejuk daripada penyewa runcit pusat beli-belah



ANTARA petugas barisan hadapan yang menerima sumbangan daripada pihak pengurusan Alamanda.

itu sendiri, untuk disumbangkan kepada warga kerja Hospital Putrajaya.

Pembelian dibuat daripada pe-

runcit seperti Sushi King, Dunkin Donuts, Famous Amos, Tealive, Mahnaz Food dan Joybean. **WK**

Cahaya merah terangi Pintasan Saloma sempena Sambutan Hari Jantung Sedunia



PINTASAN Saloma diterangi cahaya merah sempena sambutan Hari Jantung Sedunia pada 29 September.

SEJAJAR Sambutan Hari Jantung Sedunia pada 29 September lalu, Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) telah menetapkan tema pencahayaan Pintasan Saloma dengan warna merah.

PKB dalam satu kenyataan maklumkan, tanggal 29 September setiap tahun, semua monumen di seluruh dunia akan diterangi dengan cahaya merah bagi meraikan sambutan Hari Jantung Sedunia.

"National Heart Association of Malaysia selaku ahli World Heart Federation menyambut baik kolaborasi bersama PKB bersemesta sambutan berke-

naan. Pencahayaan warna merah di Pintasan Saloma akan bermula 28 hingga 29 September lalu dari pukul 7 malam sehingga 12 tengah malam.

"Sambutan Hari Jantung Sedunia merupakan agenda tahunan di seluruh dunia yang bertujuan memberi kesedaran tentang kepentingan gaya hidup sihat bagi mencegah penyakit jantung," katanya.

Menurut kenyataan itu, inisiatif yang diperkenalkan World Heart Federation sebuah organisasi di Geneva Switzerland, merupakan sambutan terbesar untuk kesihatan kardiovasku-

lar dan menjadi medium dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penyakit jantung, faktor risiko dan bahaya penyakit jantung serta langkah-langkah bagi mencegahnya.

Tambahnya, pencahayaan warna merah adalah juga sebagai tanda sokongan, mesej Hari Jantung Sedunia dan simbol visual perjuangan menentang risiko kematian pramatang akibat penyakit jantung.

"PKB melalui Pintasan Saloma sentiasa prihatin bersama masyarakat di Malaysia dan dunia untuk menyokong inisiatif kempen hari-hari kesihatan dan kesejahteraan kepada dunia," jelasnya. **WK**

Manfaatkan penyelidikan, inovasi semasa pandemik COVID-19



DR. WAN MOHD NURUL HAKIMI WAN SALLEH

Pensyarah Kanan di Jabatan Kimia, Fakulti Sains dan Matematik (UPSI)

PENDIDIKAN tinggi adalah antara sektor yang menerima kesan signifikan daripada pandemik COVID-19. Penyelidikan dan inovasi menjadi antara aspek utama yang sedang mengalami proses penambahbaikan seiring dengan impak COVID-19, selain daripada pengajaran dan pembelajaran, sistem pengurusan, pengantarabangsaan dan perancangan strategik universiti.

Di sebalik peraturan lebih ketat dan pelbagai prosedur operasi standard (SOP) diperkenalkan kerajaan untuk membendung pandemik COVID-19, aktiviti penyelidikan di universiti masih perlu bergerak.

Namun begitu, dalam situasi negara dan dunia keseluruhan yang masih terkesan dengan isu COVID-19, pelbagai perancangan dan aktiviti penyelidikan terganggu terutama yang melibatkan pergerakan fizikal termasuk penganjuran persidangan dan penyertaan dalam pameran penyelidikan.

Aktiviti penyelidikan dan inovasi ini terutama yang melibatkan sains dan teknologi terpaksa ditangguhkan kerana kekangan pergerakan. Para penyelidik kita tidak bebas ke makmal dan turun ke lapangan.

Sebahagian kajian membabitkan pengumpulan data yang dulunya dilakukan secara bersemuka tergендala, manakala

kebanyakannya terpaksa diubah kepada kajian secara dalam talian. Lantas, bagaimanakah aktiviti penyelidikan ini boleh diteruskan sama seperti pembelajaran maya?

Justeru, satu garis panduan boleh dibangunkan oleh universiti bagi menjayakan penyelidikan semasa krisis, sama seperti aspek pengajaran dan pembelajaran.

Dunia penyelidikan menyaksikan perkongsian pengetahuan dan penemuan mengenai COVID-19 berlaku sangat pantas. Tidak hanya tertakluk universiti dan institusi, penyelidikan dan inovasi berkaitan COVID-19 juga membabitkan sumbangan pelbagai kementerian, jabatan kerajaan dan syarikat swasta.

Dalam pada itu, satu perkara yang menarik dalam aspek penyelidikan dan inovasi sewaktu krisis adalah fokus hasil penyelidikan dan inovasi yang boleh menangani COVID-19 atau menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Pada tahun lalu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menawarkan geran khas bagi menjalankan penyelidikan terhadap bidang kritikal yang dikenal pasti berkait rapat dengan masyarakat bagi menghadapi pasca COVID-19.

Penawaran geran penyelidikan yang bersifat jangka pendek ini meliputi 20 bidang utama merangkumi ekonomi, kesihatan awam, keselamatan, pelancongan, perdagangan, teknologi maklumat, pendidikan dan keselamatan makanan dan ia terbuka kepada semua pensyarah

Universiti Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta.

Ini merupakan antara usaha KPT dalam menyediakan sumber rujukan kepada kerajaan terutama kepada kementerian berkaitan, sebagai persediaan merangka dasar dalam menghadapi senario kehidupan selepas wabak COVID-19.

Kajian jangka pendek ini juga berpotensi untuk menghasilkan pelan tindakan yang mengandungi *quick wins*, jangka pendek dan jangka panjang yang berpaksikan rakyat, kos rendah/efektif, berkonsepkan blue ocean strategy dan memanfaatkan kerajaan yang meliputi pelbagai aspek.

Dalam pada itu, pihak universiti sendiri juga ada menawarkan geran khas penyelidikan pasca COVID-19. Sebagai contoh, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) menawarkan geran jangka pendek sebagai usaha NCDRC dalam menyediakan sumber rujukan kepada kerajaan mahupun bukan kerajaan terutamanya kementerian dan industri yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak sebagai persediaan merangka polisi atau dasar dalam menghadapi senario kehidupan selepas wabak COVID-19.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) pula menyediakan geran berjumlah RM3.55 juta untuk penyelidikan berimpak tinggi, khususnya yang dapat membantu menyelesaikan masalah

masyarakat susulan penularan pandemik COVID-19.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) juga mengumumkan Pakej Rangsangan Penyelidikan Pasca COVID-19 UniMAP2020 yang membabitkan dana keseluruhan berjumlah lebih RM1 juta.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pula menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM126,000 menerusi Skim Geran Penyelidikan UMK-COVID-19 Special Grant untuk menghasilkan solusi bagi menghadapi wabak COVID-19.

Begitu juga dengan kajian mengenai perubatan dan kesihatan awam telah mendapat tempat dan mencuri perhatian pemberi dana penyelidikan pasca COVID-19.

Buat pertama kalinya, geran COVID-19 Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia diperkenalkan oleh Fakulti Perubatan UKM yang memfokuskan kepada domain kesihatan dan perubatan termaju.

Selain itu, kajian berbentuk transdisiplin juga perlu diperkuuh dalam menghadapi pasca COVID-19 kerana ia boleh memberi hasil yang lebih menyeluruh dan bermakna. Hal ini boleh dimanifestasikan melalui transformasi sosial dan ekonomi, teknologi terkehadapan dan digital, sumber lestari alam sekitar dan kehidupan pintar, serta warisan dan masyarakat madani.

Pandemik COVID-19 juga telah mendorong pelbagai inovasi dan ia sangat penting untuk membolehkan dunia mengatasi

virus ini seterusnya bangkit lebih kukuh dalam era pasca COVID-19. Antaranya ialah melalui penghasilan vaksin COVID-19 pertama negara.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Dr Adham Baba, penghasilan sendiri vaksin COVID-19 sangat penting bagi membantu negara mencegah wabak itu daripada terus menular. Dengan kata lain, negara memerlukan lebih banyak penyelidikan yang berkaitan dengan pandemik ini yang boleh dikongsi bersama dengan masyarakat.

Perkongsian ini turut melibatkan analisis data yang lebih terperinci untuk memahami dengan lebih baik kaedah menangani pandemik. Ini termasuklah memberi pendedahan dan pendidikan melalui teknologi dalam menangani kehidupan norma baharu.

Konklusinya, penawaran geran-geran khas penyelidikan serta inovasi pasca COVID-19 sewajarnya mampu menghasilkan dapatan pelbagai perspektif yang boleh membantu penggubalan dasar dan polisi baharu pada masa akan datang.

Sepanjang situasi COVID-19 ini juga, universiti perlu cakna dan bersedia untuk berubah dalam meneruskan kesinambungan pendidikan tinggi negara. Pasca COVID-19 ini seharusnya menjadi agen transformasi, iaitu menggerakkan pegangan penyelidikan untuk ilmu kepada penyelidikan kepada masyarakat.



SALAH satu inovasi semasa pandemik mula menyerang dunia



MEDIBOT mampu ‘berinteraksi’ dengan pesakit tanpa mendedahkan petugas kesihatan kepada risiko jangkitan.



5G buka lembaran baharu Wilayah Persekutuan 2022

Di sebalik ujian yang berlaku, pasti akan ada hikmahnya. Begitu jugalah yang berlaku apabila kita semua diuji dengan penularan pandemik COVID-19 di mana salah satu norma baharu yang perlu diadaptasi adalah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti bekerja dari rumah, PdPR dan tidak terkecuali juga dengan aktiviti perhimpunan, mesyuarat atau seminar secara maya.

Alhamdulillah, sahutan ini berjaya dilalui oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Wilayah Persekutuan dengan mengambil peluang mengadakan Seminar Secara Atas Talian Berkaitan Halatuju Infrastruktur Digital Ke Arah Pembangunan Bandar Pintar di Wilayah Persekutuan buat julung kalinya.

Seminar yang dianjurkan MCMC Wilayah Persekutuan dengan sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan ini telah dibuat secara atas talian pada 22 hingga 23 September 2021 yang turut melibatkan PLANMalaysia dan pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) di Wilayah Persekutuan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).

Seminar yang berlangsung selama dua hari turut dihadiri oleh Wan Ashbi @ W Maheran Leman, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal, Kementerian Wilayah Persekutuan; Datuk TPr Fadlun Mak Ujud, Naib Presiden Kanan (Perkhidmatan Korporat) Perbadanan Putrajaya; Md Farabi Yussoff Md Yussoff, Ketua Unit Smart City, PLANMalaysia; Roslan Mohamad, Ketua Bahagian Transformasi dan Koordinasi Negeri, MCMC dan Rizal Abd Malek, Pengarah, Pejabat Wilayah Persekutuan, MCMC.

Tujuan utama seminar ini diadakan adalah sebagai platform perkongsian ilmu, maklumat, pendapat dan memberi pendedahan (*awareness*) serta pengetahuan berkaitan kepentingan pembangunan infrastruktur digital sebagai elemen utama di dalam pembentukan Bandar Pintar kepada pihak-pihak berkepentingan khususnya pihak berkuasa tempatan di Wilayah Persekutuan selaras dengan hasrat kerajaan ke arah digitalisasi.

Pada sesi seminar ini, terdapat empat slot taklimat yang telah dikongsi dan dibentangkan para panel dari PLANMalaysia, Perbadanan Putrajaya dan juga MCMC.

Fokus utama taklimat-taklimat yang disampaikan adalah untuk memberi penekanan akan kepentingan infrastruktur



digital di dalam memacu pembentukan Bandar Pintar.

Antara faktor yang menyokong kejayaan pelaksanaan Bandar Pintar ialah dengan menggunakan garis panduan yang dibangunkan oleh pihak MCMC bersama pihak Industri Komunikasi iaitu Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-i) dan Garis Panduan Infrastruktur Berskala Kecil (IBK) di kawasan pembangunan baharu.

Seperti yang sedia maklum, kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha menjayakan agenda digitalisasi khususnya melalui Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA dan juga MyDigital yang dilancarkan oleh Mantan Perdana Menteri ke-8, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 29 Ogos 2020 dan 19 Februari 2021 yang lalu.

Inisiatif JENDELA sebagai teras bagi membangunkan infrastruktur digital menjadi tumpuan utama dalam agenda pendigitalan yang mana sejumlah RM28 bilion diperuntukkan bagi memantapkan kesalinghubungan jalur lebar di seluruh negara.

Antara sasarananya ialah menyediakan rangkaian gentian optik tali tetap daripada 7.5 juta premis pada hujung tahun



MCMC Wilayah Persekutuan mengadakan seminar atas talian berkenaan Hala Tuju Infrastruktur Digital ke Alam Pembangunan Bandar Pintar di WP.

2022 kepada 9 juta premis di kawasan berpenduduk secara berperingkat dengan kapasiti kelajuan 1 Gigabit per saat (Gbps) menjelang penghujung tahun 2025.

Begitu juga dengan liputan 4G yang disasarkan untuk mencapai 100 peratus capaian di kawasan berpenduduk dengan kelajuan mencapai 100Mbps menjelang tahun 2025.

Sejak dengan sasaran tersebut, ini juga akan menyaksikan penutupan rangkaian 3G

secara berperingkat yang mana 3G akan tamat sepenuhnya pada akhir tahun 2021.

RANGKAIAN 5G BERMULA PENGHJUNG 2021

Usaha-usaha ini adalah untuk mempertingkatkan kualiti rangkaian 4G sedia ada dan pelaksanaan JENDELA akan memastikan Malaysia lebih bersedia untuk beralih ke teknologi rangkaian selular



generasi kelima (5G) yang dipercepatkan pelaksanaannya kepada penghujung tahun 2021 di mana tiga lokasi utama telah dipilih sebagai perintis iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Cyberjaya.

Melalui penyediaan rangka atau pelan tindakan kerja yang efisien, polisi dan dasar yang kukuh serta garis panduan yang komprehensif adalah diyakini dapat merealisasikan halatuju Wilayah Persekutuan ke arah pembangunan Bandar Pintar dengan jayanya.

Selain itu, mengarus-perdanakan infrastruktur digital di dalam Rancangan Pemajuan melalui pelbagai strategi seperti mempercepatkan penyediaan infrastruktur digital yang menyeluruh dan kos efektif serta memperkuatkan perancangan Bandar Pintar di peringkat negeri, wilayah dan tempatan juga dilihat sebagai salah satu keadaan yang dapat membantu memudahkan proses pembentukan Bandar Pintar.

Pelaksanaan, pembentukan dan pengurusan sebuah Bandar Pintar perlu membabitkan penglibatan pelbagai pihak daripada kerajaan, jabatan-jabatan atau agensi-agensi teknikal, sektor swasta dan pemaju.

Ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan secara sendiri kerana ia memerlukan komitmen dan sokongan yang padu untuk memastikan kesinambungan sistem pintar itu dapat dicapai.

Oleh yang demikian, pemakaian GPP-I dan IBK oleh pihak berkuasa tempatan, pemaju dan pemain industri komunikasi juga dapat membantu dalam merancang sebuah kawasan secara strategik dan lebih



mantap serta berdaya saing.

Oleh itu, sokongan dan kerjasama strategik daripada semua pihak adalah amat penting dan sangat diperlukan bagi memastikan inisiatif-inisiatif khususnya bagi mempercepatkan pembangunan infrastruktur digital dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar seterusnya dapat memacu agenda pembentukan Bandar Pintar seiring dengan hasrat Kerajaan sebagai satu Keluarga Malaysia.

SEMINAR yang dianjurkan itu telah dibuat secara atas talian melibatkan PLANMalaysia dan pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT).



Reaksi orang ramai

"PADA pendapat saya, dengan adanya internet 5G ini memudahkan kita untuk berinteraksi dan juga urusan sehari-hari yang sebelum ini dengan 4G telah menyebabkan penggunaan kita agak perlahan kerana tidak semua tempat mendapatkan liputan."



AZZIM MESBAH, 21
Pelajar

"**BAGI** saya, 4G sudah mempunyai kadar kelajuan yang memadai namun jika 5G dibawa masuk ke Malaysia, ia suatu perkara yang lebih bagus kerana seperti

yang kita sedia ketahui bahawa 5G mampu mencapai kelajuan yang lebih berbanding 4G, dan sebagai pelajar di musim pandemik ini rangkaian internet menjadi keutamaan terutama ketika pembelajaran di dalam talian sedang berlangsung."

HAZIQAH AZMAN, 21
Pelajar

"KEMASUKAN
5G di Malaysia sememangnya memberi banyak impak positif terhadap rakyat dan usaha ini juga dapat mempersiapkan rakyat Malaysia



untuk beralih kepada rangkaian atau teknologi yang lebih canggih seperti rangkaian 5G, meskipun inisiatif ini hanya akan dilaksanakan di tempat-tempat terpilih terlebih dahulu, seperti Kuala Lumpur, Putrajaya dan Cyberjaya."

NURUL ADELAISYA, 18
Pelajar UiTM Dengkil

"**PADA** pendapat saya, Internet 5G ini amatlah relevan pada masa kini di mana penggunaan internet merupakan satu kepentingan sehari-hari dan 5G juga mampu membantu menangani masalah dalam jurang liputan dan kelajuan, memberi penggunaan sumber yang maksimum serta mengurangkan pertindanan."

ANDREA SANDOR, 23
Graduan

"KEMASUKAN
rangkaian 4G dan 5G ke dalam Malaysia adalah satu inisiatif yang amat baik kerana dapat membantu anak-anak yang sedang menjalankan PdPR secara atas talian. Namun, rangkaian ini haruslah diberi sama rata bagi penduduk bandar dan luar bandar agar rakyat dapat menikmati kemudahan yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan dan juga dapat mencapai matlamat kerajaan untuk memacu pembentukan Bandar Pintar."

CHUNG FUI THENG, 24
Penjawat Awam



Usahawan muda di Kuala Lumpur terus dibela



SHAHIDAN melihat makanan yang dijual oleh usahawan di Tapak Urban Street Dining, Taman Melati.



NAZIRUL ROSELAN

DEMI mewujudkan landskap usahawan yang lebih berdaya saing di Kuala Lumpur, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) termasuk menyediakan tapak perniagaan.

Antaranya, beberapa lokaliti tapak perniagaan yang lebih selesa, kemas dan tersusun disediakan untuk membantu menaik tarafkan kehidupan rakyat terutama golongan

yang berdaftar dalam program Usahawan Muda Kota (UAMK).

Tapak Urban Street Dining, Taman Melati antara lokasi baharu yang disediakan oleh DBKL untuk membantu usahawan dan menambah lagi pilihan tempat untuk warga Kuala Lumpur memilih lokasi untuk menjamu selera secara santai.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** turun sendiri melihat dan memberi semangat kepada 17 usahawan yang berniaga di Tapak Urban Street Dining ini dengan harapan lebih banyak usahawan muda menceburti bidang perniagaan.





SHAHIDAN menyampaikan cenderahati kepada usahawan ketika melawat Tapak Urban Street Dining, Taman Melati.



6 tahun peluk Islam, Stacy akui semakin bahagia



DEEL ANJER

PENYANYI popular Stacy mengaku dirinya semakin bahagia dan tenang sejak memeluk agama Islam enam tahun lalu.

Stacy atau nama sebenarnya **Ummu Shaikhah Stacy Anam**, 31, mengaku suaminya, Akim Ahmad banyak memberi bimbingan untuknya menjadi insan yang lebih baik.

"Dulu sebelum memeluk Islam, saya seperti tiada agama sebenarnya. Hidup lebih berpaksikan cara membesar, apa yang dilihat dan didengari. Namun selepas enam tahun berkawan dengan Akim, banyak gerak hati

untuk tahu apa itu Islam.

"Cara dia bercerita hal agama Islam nampak ringan dan tidak terlalu 'direct'. Pendek kata apa yang terpacul dari mulutnya membawa ke satu siri penceritaan menarik."

"Siapa sangka keakraban kami termasuk cara saya mendekati Islam, menguatkan jodoh kami. Pandai adik (merujuk kepada Akim) ambil hati kakak (Stacy)."

"Pada 26 September 2015, kami bertunang. Seterusnya 5 Februari 2016 kami bernikah di sebuah hotel di Sabah," luah Stacy ketika mengimbas kembali detik penghijrahan dan pernikahannya ketika ditemu ramah dalam program bual bicara dalam talian, *Bersama Tya*.

Ibu kepada dua cahaya mata bernama Bella De Luna Valentina, 8, dan Eshaal Afiq Hakim, 4, juga tidak

pernah lupa saat-saat manis ketika memeluk Islam kerana ditemani kedua-dua ibu bapanya.

Walaupun ketika itu, Stacy agak kecewa apabila video pengislamannya disebarluaskan oleh pihak tidak bertanggungjawab, namun Akim banyak memberi kekuatan kepadanya.

"Saya rasa momen pengislaman jadi sangat sempurna apabila ibu bapa ada di sisi merestui keputusan paling besar dilakukan anak mereka."

"Awalnya hanya ibu bapa saya saja tahu keputusan memeluk Islam ini, adik beradik lain dan saudara mara belum diberitahu lagi. Apabila viral gambar dan video itu, jadi kecoh. Tapi Akim suruh saya bersabar dan relaks dengan apa yang terjadi."

"Jujur ketika itu, hati saya jadi takut sangat dengan keputusan



STACY semakin bahagia bersama suaminya, Akim dan anak-anak mereka.

berkenaan. Hingga saya mempersoalkan dalam diri, apakah betul keputusan yang dibuat itu.

"Saya macam berperang dengan diri sendiri. Hingga terpacul rasa apakah sampai tahap perlu meninggalkan keluarga sendiri untuk agama Islam."

"Tapi akhirnya, takdir hidup saya memilih Islam sebagai agama yang satu. Saat selesai melafazkan kalimah itu, kelihatan ibu bapa saya tersenyum dan gembira. Ketika itu saya sedar, perasaan 'bukan-bukan' itu hanya mainan emosi," jelasnya yang mahu terus belajar ke arah

yang lebih baik.

Terdahulu, 24 Ogos lalu, genap enam tahun usia penyanyi lagu *Pakai Buang* memeluk Islam di Jabatan Agama Islam Johor Bahru, Johor.

Program dalam talian *Bersama Tya* kelolaan selebriti popular Tya Ariffin bersiaran secara langsung setiap Isnin, Selasa dan Rabu pukul 10 malam di 'Instagram Live' sejak 14 Jun lalu.

Ia kemudian turut dikongsi di pelbagai platform termasuk di 'feed' Instagram dan dimuat naik di saluran YouTube Tya Arifin. **W.K**

Tajul, Afieq ubati rindu peminat Allahyarham Achik Spin

TERUBAT rindu peminat terhadap vokalis Spin, Allahyarham Achik apabila adik arwah, Tajul Arif dan sahabatnya Afieq Shazwan menyanyikan semula lagu dendangan Achik berjudul *Malam Semakin Dingin*.

Lagu ciptaan Aiman dan Luhman S yang diberikan nafas baru ini tentunya akan mengimbau kembali kenangan dan kerinduan pada Achik dan kumpulan Spin.

"Sejurusnya agak nervous juga apabila syarikat rakaman saya, FMC panggil untuk bincangkan tentang lagu ini. Namun apabila diberitahu akan berduet dengan Afieq Syazwan, saya berasa lega dan bersetuju."

"Cuma jangan bandingkan vokal saya dengan Achik, walaupun kami adik-beradik tentunya cara nyanyian dan kemampuan vokal kami berbeza. Apa-apa pun saya memang sangat mengagumi vokal abang saya," ujarnya.

Tajul atau nama sebenarnya **Tajul Ariff Noor Md Shari**, 23, mengaku lagu *Malam Semakin Dingin* ini agak mencabar dirinya semasa proses rakaman.

"Lagu ni memang dah selalu saya nyanyikan ketika karaoke. Saya akui memang mencabar juga untuk nyanyikan lagu ini sebab agak tinggi juga."

"Namun, saya bersyukur kerana dapat berduet dengan Afieq yang sangat membantu dan memudahkan proses rakaman. Kami tak ambil masa yang lama untuk siapkan lagu ini," jelasnya lagi.

Manakala Afieq Shazwan pun mengaku teruja diberikan penghormatan menyanyikan semula lagu Achik yang sememangnya mempunyai ramai peminat sehingga ke hari ini.

"Pada awalnya saya hanya nyanyi semula lagu ini dan muat naik di aplikasi TikTok dan Facebook."

"Alhamdulillah tontonan untuk video tersebut sangat memberangsangkan."

Ramai minta saya buat *full version*.

"Apabila saya diberi peluang untuk duet lagu ni bersama Tajul terus saya cakap yes! Sebab tajul ialah adik Achik dan kami anggap ini adalah *tribute* untuk Allahyarham Achik," ujarnya.

Afieq juga berasa puas apabila impiannya untuk menyanyikan lagu 90-an menjadi kenyataan.

"Saya suka sebenarnya lagu macam ini, inilah diri saya. Sebelum ini dalam pertandingan dan program realiti yang disertai, saya tak berpeluang nyanyikan lagu-lagu yang sebegini dengan penyanyi mas kini."

"Saya berharap agar semua pendengar dapat terima lagu *Malam Semakin Dingin* dalam nafas baru versi 2021 ni. Saya dan Tajul sudah melakukan yang terbaik," katanya.

Malam Semakin Dingin telah dilancarkan di YouTube FMC Music sejak 15 September lalu.

Dalam masa yang sama, peminat boleh boleh dengar di semua platform digital seperti Joox, Spotify dan lain-lain lagi. **W.K**



TAJUL dan Afieq diberi penghormatan menyanyikan semula lagu *Malam Semakin Dingin* nyanyian asal Allahyarham Achik Spin.

Saya berhijab bukan sebab nak bisnes – Fieya Julia

PENYANYI lagu Halusinasi Fieya Julia mengaku pernah berasa murung dan hati tidak tenang sebelum mengambil keputusan untuk berhijab.

Segalanya berubah apabila Fieya atau nama sebenarnya **Nur Syafiyah Sejali**, 22 mula berhijab.

Fieya berkata, sebelum 'berhijrah' dia selalu kemurungan, kerap ada masalah dan sedih tiba-tiba kerana merasakan apa yang dibuat semuanya tidak mencukupi.

"Sebelum ini saya rasa banyak sangat gangguan dari segi macam-macam seperti stres bekerja. Bila free hair banyak perkara perlu dilakukan seperti nak kena dandan rambut la."

"Satu kebaikan juga bila berhijab tak perlu fikir itu semua. Saya rasa sebelum ini ramai lelaki gatal yang DM (*direct message*), mereka ingat penampilan Fieya yang free hair itu mesti Fieya sporting. Dah nama orang gatal, kalau kita berhijab atau tak, bila mereka dah suka memang akan *flirt* juga."

"Saya bersyukur sangat kerana mengambil keputusan untuk berhijab. Sebelum ini pernah berhijab tapi *on off*, sekarang kalau boleh nak kekal kerana selepas berhijab rasa lebih tenang saja. Sebenarnya dah lama ada niat untuk berhijab tapi *overthinking*," katanya yang lebih bahagia setelah berhijab.

Walaupun ada yang berpendapat, Fieya berhijab berkemungkinan mahu terlibat dalam bisnes tudung, ini jawab Fieya.

"Sebelum berhijab, ramai yang DM (mesej di Instagram) tawar jadi model untuk produk tudung tapi tidak bersedia lagi. Apabila berhijab pun saya tak bersedia untuk jadi model mana-mana jenama tudung. Kalau sendiri bermula mungkin ada perancangan."

"Sekarang ini banyak sangat artis jual

tudung. Kalau saya ada bisnes nanti pun tak akan keluar produk tudung. Sejurusnya saya berhijab ini bukan sebab nak ada bisnes tapi nak ubah diri daripada sebelum ini," ujar Fieya.

DIANGGAP JANDA

Tambah Fieya, lakonan adalah salah satu cabang seni yang turut diminatinya. Namun, Fieya mengaku akan terima tawaran berlakon jika bersesuaian dengan dirinya.

"Pernah dapat tawaran berlakon tapi watak janda, Fieya tak nak. Ada juga yang tawar berlakon dalam drama, cuma Fieya agak memilih kerana tak nak watak yang pelik-pelik sebab masih muda."

"Sekarang ini saya tak berlakon pun ramai yang ingat saya janda. Kalau boleh nak elakkan benda itu dan jika diberi tawaran, teringin nak berlakon dalam cerita budak sekolah menengah."

"Kalau boleh saya nak cuba berlakon dalam YouTube dulu. Saya ada saluran YouTube sendiri dan ada geng yang boleh buat drama pendek."

Tengok dulu daripada hasil yang saya buat tu, nak orang nilai sesuai tak saya berlakon.

"Komen orang ramai perlu, kalau masih banyak benda yang kurang kena belajar dulu dan kalau ramai cakap boleh berlakon, saya sedia untuk lakonkan watak yang sesuai. Saya tak nak jadi penyanyi saja, kalau boleh nak cuba pelbagai bidang," katanya yang mahu terus aktif dalam seni.

Terbaru, Fieya muncul dengan lagu ciptaannya sendiri berjudul *Halusinasi* yang semakin mendapat sambutan.

Lagu *Halusinasi* dapat dilayari di pelbagai platform streaming seperti Apple Music, iTunes, Spotify, Joox, KKBox dan Deezer. **W.K**



FIEYA Julia pernah murung sebelum berhijab, kini hidupnya lebih tenang.

Empat filem penuh kehangatan buat pencinta kopi




DIANA SYUHADA
MOHD AMIR

RAMAI orang yang memulakan atau melalui harinya dengan secawan kopi. Bukan sahaja pelengkap dalam mengiringi setiap hari, kopi juga menjadi pelengkap yang popular dalam filem. Tidak hairan, adegan kopi dalam filem juga seolah-olah menjadi perkara biasa.

Cukup banyak filem bertemakan kopi, atau sekurang-kurangnya ditetapkan di kafe kopitiam. Bukan sahaja Indonesia, negara-negara jiran seperti Korea dan Jepun juga memeriahkan dunia pawagam tentang kopi. Terdapat pelbagai genre filem berkaitan kopi yang sesuai dengan minat semua orang.

Sempena Hari Kopi Sedunia pada 1 Oktober ini, *Wilayahku* kongsikan empat filem menarik bertemakan kopi untuk tontonan anda pada hujung minggu ini. **WK**



#2 Coffee Town

Pengarah: Brad Copeland
Pelakon: Glenn Howerton, Steve Little, Ben Schwartz

FILM komedi ini mengisahkan Will seorang pengurus laman web syarikat elektronik yang menggunakan kafe tempatan, *Coffee Town* sebagai pejabatnya. Apabila pemilik kedai membincangkan rancangan untuk menukar *Coffee Town* kepada Bar, Will meminta bantuan dua rakan baiknya Chad dan Gino untuk menyelamatkan kedai kopinya.

Untuk menggagalkan rancangan pemilik bandar kopi, trio itu melakukan rompakan untuk mewujudkan ilusi persekitaran tidak selamat yang tidak sesuai untuk sebuah bistro. Adakah Will berjaya menyelamatkan *Coffee Town*?

#4 A Film About Coffee

Pengarah: Brandon Loper
Pelakon: Darrin Daniel, Katsuji Daibô, James Freeman

A Film About Coffee merupakan sebuah dokumentari mengenai kopi. Dokumentari ini adalah surat cinta dan meditasi tentang keistimewaan kopi. Filem ini membawa penonton ke seluruh dunia, dari ladang Honduras dan Rwanda ke kedai di Tokyo, Portland Seattle, San Francisco dan New York.

Melalui mata dan pengalaman petani serta barista, filem ini menawarkan gambaran keseluruhan unik mengenai semua elemen, proses, pilihan dan persiapan; tradisi lama dan baru bersatu untuk mencipta cawan kopi yang terbaik.



#1 Filosofi Kopi

Pengarah: Angga Dwimas Sasongko
Pelakon: Baitulkico Jerikho, Rio Dewanto, Julie Estelle

BEN merupakan anak petani kopi yang dibesarkan di ladang kopi. Sebuah kejadian menyebabkan ayah Ben tidak menyukai kopi lagi. Setelah berusia 12 tahun, Ben pergi ke Jakarta dan bertemu Jody, sahabatnya sehingga dewasa.

Selama 18 tahun, Ben dijaga oleh keluarga Jody dan apabila mereka mencapai usia dewasa, Ben dan Jody membuka kedai kopi yang dinamakan *Filosofi Kopi*.

Setelah kematian ayah Jody, kedai mereka berhadapan dengan hutang ratusan juta. Apakah yang akan dilakukan oleh Ben dan Jody dalam memastikan kedai serta hubungan persahabatan mereka terus kekal?



#3 Coffee Mate

Pengarah: Yi Hyun-ha
Pelakon: Yoon Jin-seo, Oh Ji-ho

COFFEE MATE sebuah filem melodrama mengenai In-young, seorang suri rumah tangga yang sering menghabiskan masa di kedai kopi dan melihat tingkah laku setiap pengunjung di sana. Di tempat itu, In-young sering melihat seorang lelaki yang bernama Hee-soo.

Suatu hari, Hee-soo menegur In-young dan mereka bersetuju untuk menjadi teman kopi. Mereka mula bercerita dan berkongsi mengenai rutin harian serta rahsia mereka. Lama-kelamaan perasaan cinta mula berputik di antara Hee-soo dan In-young. Saksikan filem ini untuk mengetahui pengakhiran cerita mereka.



Menu pot luck pelbagai cita rasa



SABRINA SABRE

SEKIAN lama dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), peralihan fasa bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya membuatkan orang ramai mula kembali melakukan aktiviti bersama keluarga tercinta.

Antara aktiviti yang dilakukan adalah berkelah. Sewaktu berkelah, sudah pasti kita ingin membawa makanan yang menarik dan mudah disediakan.

Tiada idea tentang menu? Jangan risau, berikut Wilayahku senaraikan lima idea menu pot luck yang berbagai cita rasa untuk anda. Selamat mencuba! WK

Sandwich Mentega Kacang

BAHAN-BAHAN

Roti coklat kismis
Roti butterscotch
Inti strawberry
Mentega kacang coklat

CARA PENYEDIAAN

1. Sapukan mentega kacang coklat pada dua keping roti coklat kismis.
2. Sapukan inti strawberry pada roti butterscotch.
3. Letakkan roti butterscotch tadi di atas roti coklat kismis dan tutupkan dengan kepingan kedua roti coklat kismis tadi.
4. Ulang langkah 1-3 untuk menyediakan roti lain.



Kek Batik Indulgence



BAHAN A (KEK)

800 gram biskut Marie
250 gram mentega
200 gram serbuk Milo
2 sudu besar serbuk koko
1 cawan susu pekat
1 cawan susu segar
1 biji telur
1 sudu kecil esen vanilla

BAHAN B (KRIM)

250 gram krim keju
2 cawan krim putar

BAHAN C (CHOCOLATE GANACHE)

250 gram dark chocolate
2 cawan krim putar
2 sudu besar minyak

CARA PENYEDIAAN

1. Untuk bahan A, cairkan mentega.
2. Masukkan susu segar, susu pekat, serbuk Milo dan serbuk koko. Kacau sebatи.
3. Seterusnya, masukkan telur yang telah dipukul bersama esen vanilla.
4. Apabila sos coklat mula memekat, masukkan biskut Marie yang telah dipatahkan. Kacau sehingga keseluruhan biskut disaluti dengan sos coklat.
5. Alas loyang 10x10" dengan kertas pembakar. Lebihkan kertas pembakar sebanyak 2" pada setiap sudut loyang bagi memudahkan proses mengeluarkan kek batik.
6. Padatkan adunan biskut tadi. Sejukkan.
7. Untuk bahan B, putar krim keju dan krim putar.
8. Tuangkan adunan B di atas bahan A tadi.
9. Untuk bahan C, satukan krim putar, dark chocolate dan minyak masak ke dalam mangkuk.
10. Panaskan dalam ketuhar selama 2 jam. Kacau sebatи.
11. Lapiskan chocolate ganache di atas indulgence cream.
12. Sejukkan kek batik indulgence sekurang kurangnya 4 jam di dalam peti sejuk di bahagian chiller.

Samosa Daging

BAHAN-BAHAN

Kulit popia
Tepung
Minyak masak
Kentang
Daging cincang
Bawang putih
Bawang kecil
Serbuk kari
Daun sup
Daun kari
Garam
Gula
Perasa
Air secukupnya
Minyak

CARA PENYEDIAAN

1. Panaskan minyak dan tumis bawang yang telah ditumbuk.
2. Masukkan serbuk kari dan tumis sehingga pecah minyak.
3. Masukkan daging cincang serta kentang.
4. Masukkan air untuk mengelakkan kentang hangus.
5. Masak sehingga kentang dan daging menjadi lembut.
6. Kemudian, masukkan daun kari dan daun sup.
7. Ambil kulit popia dan gulung inti menjadi samosa yang berbentuk tiga segi.
8. Panaskan minyak masak dan goreng sehingga garing.



Ladu Ayam

BAHAN-BAHAN


Kulit ladu
Sedikit air untuk membalut ladu

BAHAN INTI

2-3 ulas bawang putih
Serbuk lada hitam
Garam
2 sudu tepung jagung

CARA PENYEDIAAN

1. Letakkan kulit ladu pada tapak tangan, kemudian letakkan satu sudu kecil inti.
2. Letak air di sekeliling ladu dan lipatkan.
3. Ulang langkah 1 dan 2 sehingga adunan habis.
4. Kukuskan sehingga masak.



Dadih

BAHAN-BAHAN

1 liter susu kotak
1/3 agar-agar tali
Gula
Garam secubit rasa
1 liter air

CARA PENYEDIAAN

1. Masak agar-agar bersama air masak sehingga larut.
2. Masukkan gula, garam dan susu kotak. Kacau sebatи dan sesuaikan mengikut cita rasa.
3. Setelah naik wap, padamkan api.
4. Biarkan sejuk sedikit, kemudian tapis ke dalam bekas dan simpan dalam peti ais.



Sungai dan biodiversiti tidak mungkin terpisah



DR. SARAH ABDUL RAZAK

PERUBAHAN iklim merupakan isu hangat yang sering diperkatakan dewasa ini. Namun, di samping perubahan iklim, kekurangan air bersih adalah salah satu cabaran yang dihadapi dunia pada abad ke-21 ini. Apabila penduduk global bertambah dan permintaan untuk makanan dan tenaga meningkat, tekanan terhadap ekosistem air tawar seperti sungai akan bertambah kuat.

Sedarkan kita bahawa peningkatan eksplorasi sumber air secara global telah menyebabkan kepada penurunan biodiversiti air tawar yang ketara? Bersempena dengan Hari Sungai Sedunia yang disambut pada hari Ahad terakhir bulan September, mari kita sama-sama melakukan refleksi mengenai impak kemerosotan perkhidmatan ekosistem yang disediakan oleh sungai pada hari ini.

Sekiranya kita menguruskan air dengan teruk, bumi dan alam juga akan turut menderita kekurangan air dan sungai bersih. Ia telah terbukti dengan jelas lagi nyata melalui biodiversiti sungai yang menderita akibat dari pengambilan air secara berlebihan, dari pencemaran sungai dan dari infrastruktur air yang tidak dirancang dengan baik. Laporan dari kajian saintis di seluruh dunia menunjukkan bahawa penurunan dalam biodiversiti air tawar mungkin paling curam di antara semua jenis habitat di bumi. Ini menjadi semakin jelas apabila di wilayah dan skala global, biodiversiti air tawar lebih teruk terancam daripada biodiversiti darat atau laut.

Ekosistem air tawar merupakan rumah bagi 40% dari semua spesies ikan walaupun air tawar merupakan kurang dari 0.01% daripada jumlah permukaan air dunia. Apabila



SAINTIS telah mengenal pasti bahawa virus COVID-19 dapat ditularkan melalui air sungai yang tercemar najis.

amfibia, reptilia dan mamalia yang hidup di kawasan berdekatan ekosistem air ditambah ke jumlah 40% ikan tersebut, jumlah mereka semua merangkumi sebanyak satu pertiga daripada biodiversiti vertebrata global. Pada anggaran konservatif, rata-rata terdapat penurunan sebanyak 70% bagi populasi global biodiversiti air tawar antara tahun 1970 dan 2020.

Pada masa yang sama, manusia berlumba-lumba tanpa henti menggunakan air tawar seperti sungai untuk pelbagai perkara seperti air untuk diminum, penghasilan makanan, bekalan air industri, penangkapan ikan serta aktiviti rekreasi dan budaya. Sekiranya manusia lebih peka dan berhati-hati dalam menggunakan sumber air bersih seperti sungai, ia boleh menyumbang pelbagai fungsi kepada manusia, tetapi malangnya kebanyakan manusia hanya melihat sungai sebagai pembekal air dan sebagai parit saliran.

Seperti sumber semula jadi lain, sungai boleh menjadi sangat berguna jika digunakan secara waras, dan tidak berguna atau berbahaya jika ia

disalahgunakan. Lebih merisaukan, sungai dengan sedikit atau tanpa aliran, dan dipenuhi banyak sampah sarap, cenderung menjadi pusat penyakit seperti Kolera, Hepatitis, Polio dan sebagainya. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) dan UNICEF menganggarkan bahawa penyakit bawaan air merupakan punca kepada 80% penyakit dan satu pertiga kematian di negara membangun. Di dalam laporan yang berasingan, WHO menganggarkan bahawa 88% penyakit bawaan air adalah disebabkan kebersihan yang diabaikan, masalah sanitasi dan bekalan air yang tidak selamat.

Untuk menambah teruk kepada hakikat ini, kesan utama perubahan iklim lebih cenderung dirasakan melalui perubahan pada kitaran hidrologi iaitu air. Kini semakin banyak sungai di seluruh dunia berhenti mengalir, manakala sungai yang lain hanya membawa air buangan. Lebih membimbangkan apabila saintis telah mengenal pasti bahawa virus COVID-19 dapat ditularkan melalui air sungai yang tercemar najis.

Di sinilah pentingnya kerjasama

dunia dalam berganding bahu bagi menggembung usaha untuk meningkatkan dan menambah baik pengurusan air serta memastikan kelestarian air menjadi salah satu matlamat utama masyarakat dunia.

Sebagai contoh, projek penyelidikan yang dikenali sebagai "Rimba Project 2.0" di bawah tajaan Living Labs di Universiti Malaya yang melibatkan saintis dan penyelidik dari pelbagai bidang telah bersama-sama berganding bahu bagi menjalankan kajian berkaitan pemuliharaan hutan di Taman Botani Rimba Ilmu, Universiti Malaya. Hutan ialah sumber biodiversiti yang berkait rapat dengan sumber air bersih. Sehubungan itu, ketersediaan air bersih dari sumber mata air dapat dipulihara dengan menjaga kelestarian hutan di kawasan sekitar sumber mata air tersebut.

"Rimba Project 2.0" ini adalah selaras dengan matlamat pembangunan lestari "SDG 6 – Sumber Air Bersih dan Sanitasi" yang menekankan tentang kepentingan melindungi dan memulihkan ekosistem yang

berkaitan dengan air iaitu termasuk gunung, hutan, tanah lembap, sungai, akuifer dan tasik menjelang tahun 2030. Bermula 1 Januari 2016, negara-negara dunia mengadaptasi Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals SDGs) di mana ia menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2030. SDGs dikenali sebagai agenda tindakan untuk manusia, planet dan kemakmuran dan merangkumi semua isu pembangunan lestari. SDG 6 membuktikan hubungan rapat antara hutan dan air yang memerlukan antara satu sama lain, bak aur dengan tebing.

Selain "Rimba Project 2.0", "Water Warriors" juga merupakan salah satu projek penyelidikan Living Labs di bawah naungan Universiti Malaya yang sangat menitikberatkan perkara berkaitan dengan kelestarian air. Antara aktiviti dan program yang dijalankan oleh "Water Warriors" ialah kempen kesedaran awam, menjalankan aktiviti sains masyarakat dalam pemantauan kualiti air, gotong royong membersihkan sungai serta memperkasa komuniti setempat dalam penjagaan badan air.

Ramai pemimpin dunia telah menyuarakan kebimbangan mereka mengenai isu kekurangan air bersih beberapa tahun kebelakangan ini. Suara yang berpengaruh dalam ekonomi global juga semakin memperkatakan mengenai risiko yang berkaitan dengan air sebagai ancaman yang timbul terhadap perniagaan. Bersediakah kita untuk menyumbang tenaga bagi mengekalkan kelestarian sungai dan biodiversiti?

Tepuk dada, tanyalah hati. Selamat menyambut Hari Sungai Sedunia.

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di sarahrazak@um.edu.my

Toybank Prihatin ceriakan kanak-kanak, sahut seruan Keluarga Malaysia

INISIATIF Toybank Prihatin yang diwujudkan menerusi Rumah Prihatin@GrandSeasons menyahut seruan Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Pengarah Eksekutifnya, **Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiyah** berkata, selain berniat mahu menceriakan kanak-kanak yang terkesan akibat COVID-19, pemberian mainan ini juga adalah seleras dengan konsep Keluarga Malaysia.

"Hari ini fokusnya adalah mengumpul seberapa banyak barang permainan yang terpakai atau baharu anjuran Toybank Prihatin yang merupakan salah satu inisiatif bawah Rumah Prihatin@GrandSeasons.

"Inisiatif ini juga dilihat penting kerana berfungsi untuk menceriakan



SEBAHAGIAN Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) yang menggerakkan Toybank Prihatin yang merupakan antara inisiatif bawah Rumah Prihatin @Grand Seasons. – Foto: Ariff Azman

lagi sesebuah keluarga terutamanya anak-anak kecil dalam usaha kita memerangi COVID-19 ini.

"Dalam masa yang sama, kita juga menyambut seruan baik daripada Perdana Menteri yang

telah memperkenalkan konsep keluarga Malaysia.

"Maka kita harus angkat konsep Keluarga Malaysia dan uar-uarkan lagi konsep tersebut. Misalnya Toybank Prihatin ini salah satu

Inisiatif yang boleh memberi keceriaan kepada keluarga di seluruh Malaysia," katanya kepada pihak media di luar pekarangan pasaraya ST Rosyam Mart, Setiawangsa pada Ahad.

Terdahulu beliau menerima sumbangan permainan kanak-kanak daripada 18 pihak syarikat korporat dan individu di hub Toybank Prihatin di pasaraya tersebut.

Dalam pada itu, beliau berharap lebih ramai tampil untuk memberikan sumbangan permainan demi memastikan tahap kesihatan mental kanak-kanak terjaga.

Turut hadir ialah Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk Nicole Wong Siaw Ting yang menyifatkan inisiatif Toybank Prihatin adalah selaras dengan konsep Keluarga Malaysia.

"Selepas ini kita akan terus menyampaikan mesej-mesej bagus

sebegini ke tempat-tempat lain selain Wilayah Persekutuan.

"Saya ingin menyeru sekali lagi kepada orang awam atau unit korporat untuk terus memberi sumbangan kepada inisiatif yang bagus seperti ini."

"Program Toybank Prihatin ini adalah untuk menunjukkan semangat Keluarga Malaysia."

"Jadi mesej inilah kita nak sampaikan kepada semua orang bahawa kita semua adalah satu Keluarga Malaysia," jelasnya yang juga menjadi antara penyumbang permainan melalui Toybank Prihatin.

Kepada sesiapa yang ingin menyumbang permainan kepada Toybank Prihatin, bolehlah berbuat demikian dengan menghubungi talian bebas tol 1800-88-7997 atau layari www.yayasanwp.org/rumahprihatin.



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

MEMBAIKI kasut di kaki lima adalah fenomena biasa di Kuala Lumpur. Ini adalah salah satu daripada pinto rezeki penghuni kota.

Walaupun ada kedai membaiki kasut, tetapi tukang kasut di kaki lima menjadi pilihan kerana upahnya murah dan hasil kerjanya tinggi.

Tukang kasut juga mempunyai nilai pasaran yang tinggi. Malah sebahagian besar penghuni Kuala Lumpur memang ada pengalaman mendapat khidmat tukang kasut di kali lima.

Membaikei kasut sebenarnya bukan mudah, tetapi menjadi pilihan kepada mereka yang terdesak tidak ada kerja.

Tidak hairanlah kalau ada yang teraba-raba dan kekok memegang kasut. Kelihatan tidak yakin melakukan kerja itu. Mereka mungkin baharu dalam proses belajar, tetapi terus mengambil upah membaikei kasut.

Mereka memilih kerja itu kerana modalan kecil, asalkan sanggup berpanas di kaki lima dan sabar dengan kerena pelanggan.

Saya juga agak memilih dalam soal tukang kasut. Walaupun kasut jenis murah tetapi tetap mahukan hasil yang terbaik daripada orang yang mahir.

Di Kuala Lumpur ini asalkan boleh menjadi duit, semua kerja akan dibuat orang walaupun bukan bidang kemahirannya.

Salah seorang tukang kasut yang mahir dan kenal kerena kasut ialah Jo Beret Merah.

Dia tekun dan amat menjaga hasil kerjanya. Bermacam-macam kasut pernah mendapat sentuhannya. Pangkalan (port) dia di kaki lima deretan kedai tidak jauh Globe Slik Store di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Di deretan kedai itu ada beberapa tukang kasut lain yang semuanya merantau mencari rezeki di Kuala Lumpur.

Ada yang hidup di bawah

“Salah seorang tukang kasut yang mahir dan kenal kerena kasut ialah Jo Beret Merah.

Dia tekun dan amat menjaga hasil kerjanya. Bermacam-macam kasut pernah mendapat sentuhannya. Pangkalan (port) dia di kaki lima deretan kedai tidak jauh Globe Slik Store di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

jambatan dan menumpang tidur di kaki lima kerana tidak mampu menyewa bilik. Penghuni tidak berumah adalah perkara biasa di Kuala Lumpur.

Tetapi ini satu fenomena baharu bagi saya. Di Kangar, sat-satunya bandar yang saya kenal selain Alor Setar hanya ada dua tiga tukang kasut sahaja.

Punca rezeki di kaki lima hampir tidak ada, salah satu sebabnya orang susah bekerja mengambil upah di kampung-kampung.

Di Kuala Lumpur berbeza, berbagai-bagai cara orang mencari rezeki di tepi jalan dan kaki lima.

Paling banyak menjual air sirap, air jagung, pisang goreng hingga menjadi penjaga tempat letak kereta secara haram. Paling teruk lagi menjual salinan fotostat keputusan nombor ekor di lampu isyarat.

Saya kenal Jo sekitar tahun 1985 ketika kasut PVC yang lusuh itu meragam. Tumitnya senget dikikis tar di jalanan, tapak menipis dan hampir bocor, muncung pula ternganga macam mulut buaya.

Daripada keadaan fizikal kasut yang dibeli semasa menjadi wartawan sambilan di Alor Setar itu boleh dibersarkan.

Tetapi hidup sebatang kara



Di Kuala Lumpur ini asalkan boleh menjadi duit, semua kerja akan dibuat orang walaupun bukan bidang kemahirannya. Gambar Unit Foto DBKL

di Kuala Lumpur mesti berjimat kerana tidak ada siapa yang boleh membantu. Maka selagi boleh digunakan, kasut itu terus berkhidmat kepada saya.

Biarlah sedikit lusuh dan uzur, disupu penggilat, terlindunglah keadaan sebenarnya. Kepakaran Jo menjadikan kasut itu kembali kukuh dan panjang hayatnya.

Daripada perkenalan itu, saya mendapat tahu namanya Johari. Dia bekas komando berusia lingkungan 50-an berbadan tinggi dan tegap, rambut panjang menjurai ke bahu. Jo memang ada gaya walaupun berseluar dan baju yang lusuh. Identitiya selalu memakai beret merah.

Jo juga salah seorang perantau yang menemui lorong rezeki sebagai tukang kasut di tengah kota metropolitan itu.

Dia menceritakan kisah hidup kepada saya yang suka bersempang. Saya suka mengumpil kisah mereka di jalanan sebagai bahan karya kewartawanan.

Orang seperti Jo yang hidup di kaki lima banyak memperkenalkan

isteri terlantar di rumah setinggan di Ampang kerana kanser.

Dia ada anak tunggal darjah tiga. Mula-mula dulu Jo merancang menjadi pengawal peribadi. Kerja sudah dalam tangan.

Bagaimanapun terpaksa menolak itu selepas isterinya didapati mengidap kanser.

Tetapi Jo tidak pernah merungut mengenai nasib yang menimpa isteri bertarung dengan kanser dan pendapatan tidak menentu.

Dia tampak tenang dan bahagia. Malah banyak bercerita tentang kebahagiaan dan harapan membina masa depan.

Kuala Lumpur yang sangat kebendaan mengungkapkan bahawa kebahagiaan terletak pada cara kita memaknakan kehidupan.

Memiliki harta yang bergunning itu bukti kekayaan, hidup kais pagi makan pagi di kaki lima itu tanda kemiskinan. Bagaimanapun kedua-duanya berhak menikmati bahagia dengan cara yang tersendiri.

Sebagai wartawan baru, saya sibuk membina kerjaya dan tugasan yang bertali arus. Tidak banyak masa yang terluang.

Kesibukan itu memutuskan hubungan dengan Jo apabila dia sudah tidak ada lagi di kaki lima berhampiran Globe Silk Store.

Banyak juga ‘port’ tukang kasut yang saya susuri tetapi tidak ketemu dengan lelaki beret merah itu.

Mungkin memilih ‘port’ lain atau berhijrah ke kota lain mencari rezeki. Dia hanya meninggalkan kenangan dan pesanan.

Kini sudah 36 tahun berlalu dan Jo mungkin berusia lebih 85 tahun. Semoga Jo terus cekal dan sentiasa memberi makna pada kehidupan.

Dia lelaki yang tidak mudah kalah. Secara peribadi Jo telah memberikan teladan yang baik kepada saya yang baru hendak mengenali kota ini.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



RM7,500



RM5,500



RM4,500



RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER
1080px X 96px

RM2,500

MIDDLE BANNER
1080px X 280px

RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR
350px X 280px

RM1,500

HALF PAGE
350px X 500px

RM1,000

50,000 naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Taklimat isu-isu semasa untuk orang muda

Pejuangkan Labuan bebas dadah



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

GOLONGAN belia di pulau ini diseru agar sentiasa berganding bahu dalam memerangi penyalahgunaan dadah.

Ahli Dewan Negara, **Senator Datuk Bashir Alias** berkata, belia menjadi satu peranan yang penting dalam memerangi aktiviti penyalahgunaan dadah dengan melaporkan aktiviti itu.

Bermula dari dalam kalangan ahli keluarga, jiran tetangga dan seterusnya ke peringkat komuniti serta masyarakat, para belia perlu memainkan peranan mereka terutamanya melalui pertubuhan belia untuk memerangi gejala yang

boleh menjahamkan masa depan negara ini.

"Namun tanggungjawab menangani masalah ini sebenarnya harus dipikul bersama setiap warga Negara Malaysia terutamanya golongan belia," katanya semasa merasmikan Program Taklimat Isu-Isu Semasa anjuran Jabatan Penerangan Labuan di Kampung Sungai Lada, pada Sabtu lalu.

Bashir berkata, golongan belia perlu melipatgandakan penglibatan dalam membantu kepimpinan setempat merancang, menggerak dan melaksanakan program bagi memperkasakan aktiviti kemasyarakatan di samping meningkatkan aspek keselamatan dan kesejahteraan sosial.

"Perjuangan para belia untuk menjadikan komuniti di kawasan kita sebagai komuniti bebas dadah bukan sahaja boleh menyelamat



BASHIR (tengah) menyampaikan cenderahati kepada penceramah jemputan daripada Polis Diraja Malaysia.

beberapa individu tetapi ianya

agama, bangsa dan negara ini untuk satu tempoh jangka masa yang

panjang," katanya.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Supian Musa, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan, Mohammad Syahffie Haji Japril, Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan, Dzulfaizal Ab Manan dan Presiden Majlis Belia Labuan, Abdul Mutualib Sahari.

Sementara itu, belia turut memaklumkan sebanyak 321 kes penyalahgunaan dadah direkodkan di Labuan pada tahun ini dan 74 peratus daripadanya adalah mereka yang berumur 18 hingga 39 tahun.

"Melalui data ini, dapat dilihat penyalahgunaan dadah berada pada tahap membimbangkan dan terdapat juga kes penyalahgunaan yang bermula di peringkat usia remaja seawal 10 tahun," katanya lagi. **WK**

15,000 pokok bakau ditanam, atasi hakisan serta meningkatkan eko pelancongan

SEJUMLAH 15,000 anak pokok bakau bakal ditanam di kawasan tebing sungai dan pesisir pantai di Pulau Bebas Cukai ini bagi memastikan mengurangkan risiko sebarang hakisan di kawasan terbabit.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Dr Fary Akmal Osman** berkata, program penanaman pokok itu merupakan salah satu strategi bagi mencapai Cakna Utama Wilayah Prihatin iaitu Cakna Keindahan, Cakna Kebersihan dan Cakna Kehijauan.

Katanya, selain daripada mengurangkan pencemaran dan memulihara alam sekitar, program itu dapat memangkin dan menggalakkan kegiatan ekopelancongan Labuan.

"Di Labuan, kita telah menyasarkan sejumlah 10 juta pokok bakau akan ditanam di tebing sungai dan pesisiran pantai di sini.

"Bermula bulan depan, sebanyak 5,000 pokok bakau akan ditanam di sepanjang pantai Tanjung Aru dan pada hari ini kita telahpun menanam sebanyak 100 pokok bakau," katanya dalam ucapannya di Majlis Sambutan Hari Sungai Sedunia dan Denai Sungai Kebangsaan 2.0 2021, di Kampung Tanjung Aru Nelayan, pada Ahad lalu.

Sementara itu, Fary turut memaklumkan pihak kerajaan kini sedang membuat perancangan bagi melestarikan ekosistem kehijauan alam



FARY (kanan) bersama Juniandi (kiri) penanaman pokok bakau di Sambutan Hari Sungai Sedunia dan Denai Sungai Kebangsaan 2.0 2021, di Kampung Tanjung Aru Nelayan, pada Ahad lalu.

semula jadi.

"Perancangan kita bagi pembangunan mantap untuk menjaga kelestarian kehijauan di pulau ini, pelancongan adalah tumpuan baharu oleh Perbadanan Labuan dan jabatan kerajaan yang berkaitan.

"Kita sedang dalam mengambil tindakan dalam

penyelengaraan dan menaiktaraf kemudahan awam," katanya.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Labuan Juniandi Awang Tuah, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Labuan Amir Hamzah Musa dan beberapa wakil pemimpin dalam masyarakat. **WK**



FADZLI (hujung kanan) menyerahkan cek replika kepada salah seorang penghantar makanan (rider) sebagai simbolik bantuan.

MAIWP sumbang petrol kepada 166 penghantar makanan

SERAMAI 166 penghantar makanan di Pulau Bebas Cukai ini menerima sumbangan minyak petrol berjumlah RM4,980 daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Labuan bagi meringankan beban golongan itu.

Menurut Pengurus MAIWP Labuan **Md Fadzli Md Saad**, bantuan secara one-off itu adalah bertujuan bagi meringankan beban penghantar makanan (rider) P Hailing ketika mendepani situasi pandemik COVID-19.

"166 orang menerima bantuan minyak petrol sebanyak RM30.00 seorang yang membabitkan sejumlah RM4,980. Mereka yang menerima bantuan ini terdiri daripada penghantar makanan Morefun, McDelivery, Pizza Hut dan

KFC," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan bantuan tersebut di perkarangan Terminal Feri Antarabangsa Labuan, pada Sabtu lalu.

Dalam pada itu, Fadzli berkata pihaknya turut menyumbangkan bantuan bakul makanan keperluan asas seperti gula, beras dan minyak masak kepada penghantar makanan.

Selain itu, turut menyumbang adalah syarikat swasta QSR Brand Berhad yang telah menyumbangkan pek makanan KFC yang bernilai RM2,300.

Sehubungan itu, beliau berharap golongan penghantar makanan di pulau ini agar terus cekal dalam menghadapi pelbagai cabaran yang dihadapi dalam keadaan pandemik COVID-19. **WK**

**Soalan**

ASSALAMUALAIKUM
SS Datuk Mufti. Saya ada persoalan tentang perkara yang terjadi di media sosial sekarang ini.

Sekarang ini dalam media sosial tidak kira Facebook atau Instagram ada orang yang buat perkhidmatan sihir. Macam-macam yang ditawarkan. Minyak pengasih, sihir pemisah dan lain-lain lagi.

Apakah hukumnya ustaz? Bantu saya yang jahil ini.

Jawapan

Waalaikumussalam wbt. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, para sahabat, serta mereka yang setia mengikuti perjuangan baginda sehingga ke hari Kiamat.

Secara asasnya, syariat Islam mengklasifikasikan sihir sebagai salah satu dosa besar. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: "Jauhi tujuh dosa besar. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, apakah tujuh dosa besar tersebut?"

Nabi SAW menjawab: Menyekutukan Allah, sihir, membunuh nyawa yang mana ianya diharamkan oleh Allah melainkan dengan hak (yang dibenarkan dalam syarak), makan riba, makan harta anak

Hukum mempromosi iklan sihir di media sosial



ORANG yang mendapatkan khidmat tukang sihir menyebabkan ibadatnya tidak diterima oleh Allah SWT.

yatim, berpaling dan lari ketika berperang dengan musuh, dan menuduh wanita beriman yang suci dengan tuduhan zina."

Perkara ini dijelaskan lagi oleh Sheikh Badruddin al-Aini dengan menyebut:

Maksudnya: "Para ulama dan fuqaha menetapkan bahawa mempelajari dan mengajarkan sihir antara dosa besar."

Bahkan Nabi SAW memberikan peringatan kepada orang yang mendapatkan khidmat tukang sihir sepetimana sabda baginda Nabi SAW:

Maksudnya: "Sesiapa yang pergi bertemu tukang tilik, lalu dia bertanya kepadanya tentang sesuatu, solatnya tidak akan diterima selama 40 hari."

Hadis di atas menjelaskan bahawa orang yang mendapatkan khidmat tukang sihir menyebabkan ibadatnya tidak diterima oleh Allah SWT.

Perkara ini kemudiannya turut dijelaskan oleh Imam al-Nawawi. Beliau menyatakan bahawa tiada pahala yang akan diperolehi walaupun solat tersebut sah mengikut rukun dan syarat-syaratnya.

Dalam riwayat yang lain menyebut:

Maksudnya: Sesiapa yang pergi bertemu dukun, lalu dia mempercayai apa yang diperkatakan oleh dukun tersebut, dia telah mengingkari apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW."

Sheikh Zakariya al-Ansari menjelaskan:

"Haram mengamalkan sihir menurut ijma' para ulama. Orang yang meyakini keharusannya adalah kufur.

Jika dia sengaja mengajar, belajar dan mengamalkan sihir, maka dia berdosa. Setiap satu dari perkara tersebut adalah

haram kerana ditakuti boleh menyebabkan fitnah dan boleh memudaratakan orang ramai."

Jika seseorang ingin menjauhkan diri dari bahaya atau ingin menolak keburukan, maka haram ke atasnya untuk menggunakan khidmat sihir. Perkara ini dijelaskan oleh Sheikh al-Syarwani:

Maksudnya: "Tidak boleh menolak keburukan (atau kemudaratan) dengan sihir kerana sihir itu sendiri adalah perkara yang haram"

Justeru, kami menyimpulkan bahawa adalah haram hukumnya mengiklankan dan melakukan tawaran perkhidmatan sihir di media sosial.

Hal ini kerana, ia termasuk perbuatan yang bertujuan mempromosikan perkara yang haram dan berdosa.

Lebih-lebih lagi, sihir adalah antara dosa besar seperti yang dinyatakan oleh Nabi SAW. Begitu juga, haram hukumnya mendapatkan perkhidmatan sihir di media sosial.

Wajib hukumnya ke atas mereka yang melakukan perbuatan sedemikian untuk bertaubat dan tidak melakukannya lagi pada masa hadapan.

KWP, PL tingkatkan Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga di Labuan

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Labuan (PL) giat mempertingkatkan Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga bagi membantu merangsang pertumbuhan ekonomi warga Labuan khususnya penjaja dan pekerja kecil yang terjejas pendapatan sejak pandemik COVID-19 melanda negara.

Timbalan Menterinya, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, menerusi inisiatif tersebut, seramai 466 penjaja telah menerima lesen daripada Perbadanan Labuan.

"Daripada jumlah tersebut, 162 daripadanya adalah merupakan penjaja baharu yang berdaftar di bawah inisiatif tersebut dan kebanyakannya terdiri daripada peniaga Melayu iaitu 437 orang, 26 peniaga pula berbangsa Cina dan hanya seorang sahaja peniaga berbangsa India," katanya pada sesi Waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri bagi jawapan lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Rozman



JALALUDDIN

Isli (P166-Labuan) mengenai pelan KWP bagi membantu golongan penjaja yang terjejas di Labuan serta kaedah penyelesaian yang lebih mampan serta mampu melonjak kembali pertumbuhan ekonomi domestik dengan kadar segera.

Jalaluddin berkata, bagi membantu golongan tersebut, PL telah memberikan pengecualian bayaran fi lesen penjaja bermula Julai 2020 hingga Disember 2021 dengan melibatkan kos RM78,500 ringgit serta pengurangan sewaan ruang niaga sebanyak 50 peratus.

"460 ruang niaga di bawah pengurusan PL bagi tahun 2021 menerima potongan diskauan iaitu melibatkan jumlah sebanyak RM783,450.00 ringgit," katanya.

Menurut Jalaluddin, PL juga sedang menaik taraf kira-kira 25 unit gerai dan tapak penjaja di dua kawasan iaitu Kampung Layang-Layangan dan Kampung Patau-Patau 1 dengan melibatkan kos kira-kira RM130,000 ringgit.

"Sebanyak sembilan unit gerai di tapak penjaja Kampung Layang-



PERBADANAN Labuan juga sedang menaik taraf kira-kira 25 unit gerai dan tapak penjaja di dua kawasan dengan melibatkan kos kira-kira RM130,000 ringgit.

Layangan akan dibaik pulih dengan kos anggaran sebanyak RM50,000 yang dijangka siap sepenuhnya pada 14 Oktober ini.

"Di kawasan Patau-Patau pula melibatkan 16 unit dengan anggaran kos sebanyak RM80,000 dan dijangka siap sepenuhnya pada 11

November ini," katanya.

Jelasnya, kesemua penjaja telah diberikan tapak sementara untuk bernaik sehingga proses pembelian pulih selesai serta mereka akan menikmati kemudahan yang lebih selesa.

"Setelah selesai, mereka akan

menikmati kemudahan seperti bekalan air di setiap gerai, tapak yang lebih baik untuk elakkan masalah air bertakung dan kawasan gerai yang banjir berikutan keadaan tanah yang tidak rata dan berlopak, sinki di setiap unit serta gerai yang lebih tersusun, selesa dan dilengkapi dengan keselamatan," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut memberitahu KWP dengan kerjasama PL turut menyediakan bantuan peralatan perniagaan dibawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) kepada tiga golongan.

"Program ini adalah usaha sama KWP dan PL untuk membantu 40 orang golongan miskin tegar, fakir miskin dan berpendapatan rendah (B40) bagi mendapatkan bantuan tersebut dengan nilai antara RM5,000 hingga RM10,000," katanya.

Tambahnya, KWP turut berharap agar pelaksanaan dan perancangan yang diambil oleh dengan kerjasama PL dapat membuka peluang baru serta merancakkan semula pendapatan dan ekonomi penjaja serta peniaga kecil di Labuan.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Penunggang e-hailing dilibat sama meriahkan Hari Malaysia

SHAHIDI BAKAR

SEJUMLAH 300 penunggang e-hailing mendapat manfaat dari Program Sumbangan Pek Makanan yang dianjur khusus sempena meraikan Hari Malaysia, baru-baru ini.

Usaha interaktif digerakkan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, sambil didokong Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 5, tepati pengisian sambutan ke-58 tahun penggabungan Malaysia sejak dirintis pada 1963.

Selain menyantuni semua penunggang e-hailing dengan sumbangan pek makanan yang bernilai lebih RM50 setiap satu, **Datuk Kamarudin Jaffar** turut meluang masa mendekati golongan muda yang menjadi tonggak masa depan negara.

Beliau secara peribadi mengiktiraf penghantar makanan terutamanya di dalam situasi pandemik COVID-19, dengan mengklasifikasi perkhidmatan mereka setara petugas barisan hadapan yang



AHLI Parlimen Bandar Tun Razak bersama AJK Bahagian dan warga setempat bersama raikan Hari Malaysia dalam suasana patuh SOP cegah COVID-19.

membantu memenuhi keperluan rakyat.

“Sememangnya peranan penghantar makanan ini layak digolongkan sebagai

sebahagian petugas barisan hadapan kerana ia penting ketika negara menentang cabaran pandemik COVID-19.

“Jadi, melalui program ini, dua objektif mendasari penganjurannya iaitu selain menghargai peranan para penunggang penghantar makanan, kita juga semarakkan semangat Keluarga Malaysia dalam jiwa anak muda dengan agihkan lebih 300 jalur gemilang,” katanya.

Turut hadir, Pengurus MPPWP Sub Zon 5, Bandar Tun Razak, Farouk Mohd Noor dan Naib Ketua Bersatu Bahagian, Shaharuddin Abd. Aziz.

Selain agihan pek makanan dan jalur gemilang, Kamarudin yang juga Timbalan Menteri Luar, turut mengedarkan pelitup muka dan cecair hand sanitizer kepada orang awam di sekitar Dataran Lakefield, Pekan Sungai Besi, di sini.

Beliau meluangkan masa lebih sejam setengah bersama-sama warga setempat sambil menggunakan ruang masa yang ada untuk mendekati golongan peniaga dan masyarakat setempat sebahagian besarnya adalah pengundi bagi Parlimen Bandar Tun Razak. **WK**

Mangsa ribut terima bantuan, bakul makanan Yayasan Wilayah Persekutuan

HAZIRAH HALIM

PRIHATIN terhadap nasib yang menimpa mangsa ribut di Kampung Selayang Lama, Gombak pada 21 Februari lalu, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menghulurkan sumbangan kepada mangsa terlibat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, pihaknya mendapat makluman daripada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Parlimen Batu yang memaklumkan terdapat kejadian ribut yang berlaku sehingga merosakkan dua buah rumah.

“Kami memberikan sumbangan wang tunai berjumlah RM500 serta bantuan bakul makanan yang mengandungi tepung, gula, garam, beras bernilai RM50 kepada mangsa yang terlibat.

“Selain itu, sejumlah RM500 turut disalurkan kepada masjid untuk dibaik pulih,” katanya kepada *Wilayahku* selepas Majlis Penyerahan Bantuan kepada mangsa ribut di perkarangan Masjid Anas Bin Malik, Kampung Selayang Lama yang disampaikan Pegawai Tugas-tugas Khas Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Ramlan Askolani baru-baru ini.

Zaizalnizam turut berharap mangsa dapat menggunakan sumbangan tersebut untuk membaik pulih rumah termasuk sumbangan bakul makanan bagi menampung perbelanjaan sepanjang ditimpa musibah.

“Saya turut mengalakkkan mana-mana syarikat korporat atau individu untuk memberikan sumbangan agar kita dapat



RAMLAN (tengah) diiringi Zaizalnizam (kiri)menyerahkan sumbangan kepada mangsa ribut.

bersama-sama membantu warga kota yang sedang mengalami kesusahan atau ditimpa musibah,” katanya.

Sementara itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Mohd Nizam Yahya berkata, pihaknya telah memperuntukkan sebanyak RM35,000 untuk kos baik pulih rumah dan kerosakan pada masjid tersebut dan akan melakukan pemeriksaan lanjut bagi mengenalpasti kerosakan di rumah mangsa serta kawasan masjid untuk memudahkan proses penyeluran bantuan.

Dalam pada itu, Pengurus MPP Parlimen Bukit Batu, Gulam Muszaffar Gulam Mustakim memaklumkan, barang kepunyaan mangsa akan diletakkan di Dewan Selayang Lama sementara waktu berikutnya bimbang akan berlaku hujan lebat sekali lagi di kawasan tersebut.

Kejadian hujan lebat dan angin kuat di kawasan itu yang berlaku pada pukul 1 pagi Selasa minggu lalu telah mengakibatkan dua buah rumah yang didiami tiga keluarga ranap. **WK**



SEBAHAGIAN daripada penunggang e-hailing disantuni oleh KAMUSE dengan Lunch Box, baru-baru ini.

KAMUSe sumbang 450 pek makanan sempena raikan Hari Malaysia

BERSEMPENA sambutan Hari Malaysia pada 16 September lalu, satu inisiatif terpuji dilaksanakan oleh Kelab Anak Muda Seputeh (KAMUSE) dengan menyalurkan pek bungkus makanan tengahari kepada penduduk di sekitar Parlimen Seputeh.

Bertepatan moto ‘Dari Anak Muda Kepada Anak Muda’, sejumlah 450 Lunch Box diagih kepada penerima terutama golongan muda di dua lokasi iaitu Kuchai Lama dan disusuli Bandar Sri Petaling.

Pengerusi Kelab Anak Muda Seputeh (KAMUSE) **Nur Hafies Wahid** berkata, penganjuran program itu sebahagian daripada aktiviti kebajikan warga dilaksana secara berterusan untuk membantu golongan sasar yang serba memerlukan.

Katanya, program penyerahan ‘Lunch Box’ di dua lokasi berbeza sempena Hari Malaysia itu antara pendekatan diambil untuk bersama anak muda di Seputeh, menghayati kepentingan hari bersejarah negara di samping membudayakan keharmonian Keluarga Malaysia seperti digagas kerajaan.

“Secara keseluruhan, sebanyak 450 lunch box diagih memanfaatkan 450 anak muda di Seputeh disantuni hasil tajaan makanan dan minuman dari McDonald’s Malaysia.

“Pecahan agihannya, sebanyak 150 pek kepada anak muda di lokality Kuchai Lama dan 300 pek lagi di Bandar Baru Sri Petaling dikendali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Cawangan Seputeh kepada anak-anak muda berkhidmat sebagai penunggang e-hailing,” katanya.

Turut hadir dalam penyerahan adalah Penggaris Jabatan Belia & Sukan Wilayah Persekutuan (JBSWPKL) Asmori Sa’ahari dan AJK KAMUSE.

Menurut Nur Hafies, mereka tidak ramai daripada segi keahlian, namun sentiasa komited di dalam membantu anak muda di kawasan Seputeh.

“Bagi kami di KAMUSE, kerja yang berat pastinya menjadi ringan jika dilakukan secara sepakat, setia dan amanah antara satu sama lain.

“Lebih penting, sebagai badan perantara dalam melestarikan program kebajikan kepada warga, KAMUSE sentiasa mengalu-alukan dan hargai setiap penyumbang yang tampil bersama kami untuk membantu masyarakat,” jelasnya.

Sekiranya terhadap pihak korporat atau individu yang bercadang untuk menyumbang kepada masyarakat, boleh disalurkan kepada akaun bank rasmi Kelab Anak Muda Seputeh melalui CIMB BANK 8604474362. **WK**

Peluru Meriam indikator utama Taman Botani

JIKA berpeluang singgah ke Taman Botani, Putrajaya, pasti pandangan tertumpu kepada sebatang pokok yang terletak di zon Amerika Tropika yang dikenali dengan nama *Cannonball* atau panggilan Peluru Meriam dalam masyarakat Melayu.

Berasal dari Amerika Selatan, tarikannya terletak pada sifat kauliflori iaitu tumbuhan yang mempunyai sifat bunga dan buahnya tumbuh di bahagian batang utama pokok berbanding di daun atau pucuk.

Uniknya, ranting-ranting yang keluar daripada batang pokok ini akan mengeluarkan bunga yang besar serta berwarna kuning atau merah di bahagian luar serta merah atau ungu di bahagian dalamnya.

Menurut Pengarah Bahagian Botani Jabatan Landskap dan Taman Perbadanan Putrajaya (PPj), Mohd Tajuddin Idris, buah pokok Peluru Meriam

mengambil masa selama satu tahun untuk masak dan jatuh ke tanah.

"Buahnya besar berwarna coklat seperti peluru meriam sesuai dengan namanya selain dikatakan berbunyi seperti peluru apabila jatuh ke tanah."

"Pokoknya berbunga sepanjang tahun yang mana bunga-bunganya mampu bertahan berminggu-minggu lamanya selain mengeluarkan haruman menarik serangga untuk mendebungakannya," ujar beliau.

Kata Mohd Tajuddin kepada *Wilayahku*, disebabkan

keunikannya itu, pokok dalam keluarga *lecythidaceae* ini dijadikan indikator bukan sahaja kepada Taman Botani di Malaysia malah di seluruh dunia.

"Kalau kita pergi di kebanyakan Taman Botani di seluruh dunia, pasti ada spesies ini. Selain di Putrajaya, ia boleh didapati di Taman Botani

Perdana Kuala Lumpur dan Taman Botani Pulau Pinang.

"Melalui Unit Konservasi Tumbuhan Hidup PPj, Peluru Meriam merupakan antara spesis yang dibuat pembibitan supaya ia tidak pupus dan boleh diganti segera jika ia mati," ujar beliau yang turut menyatakan Peluru Meriam lebih banyak ditanam di kawasan luar sejak ia dibawa keluar dari hutan.

Ujarnya lagi, orang asli di Amerika Selatan percaya pokok tersebut memberi manfaat dalam mengubat penyakit seperti demam, malaria dan sebagainya.

"Pun begitu, setakat ini ia masih belum dibuktikan secara saintifik selain buahnya juga tidak boleh dimakan manusia kerana beracun," ujar beliau.

- | | |
|--|------------------------------|
| INFO | MENARIK PELURU MERIAM |
| <ul style="list-style-type: none"> - Tinggi 20 hingga 25 meter - Buah boleh mencapai diameter 20 sentimeter - Terdapat banyak biji benih kecil di dalamnya - Daunnya luruh pada musim kering | |



MOHD TAJUDDIN

Tips berbasikal di Putrajaya

Sumber: IPD Putrajaya

- Mematuhi papan tanda lalu lintas yang melarang berbasikal di lebuh raya. Individu yang ingkar boleh dikenakan denda hingga RM1,000 atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.
- Pastikan anda menunggang di lorong yang ditetapkan untuk basikal dan tidak menunggang di kawasan yang dilarang bagi menjamin keselamatan.
- Beri isyarat tangan yang betul beberapa saat sebelum menukar lorong sama ada ke kiri atau ke kanan.
- Jaga jarak yang selamat antara kenderaan lain.
- Jangan berbual dengan rakan atau menggunakan telefon bimbit semasa menunggang basikal.
- Memakai topi keledar keselamatan yang bersesuaian dengan saiz kepala.
- Bagi kayuhan pada waktu malam, pasang lampu yang berkelip di belakang basikal dan pakai jaket berjelur yang reflektif.



WILAYAH
PRIHOTIN
Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19

SOP AKTIVITI SUKAN, REKREASI DAN RIADAH TAMAN-TAMAN AWAM PUTRAJAYA

PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2 (PPN FASA 2)

Waktu Taman Dibuka
7.00 pagi - 7.00 malam

Perkhidmatan Sewaan Basikal



Dibuka kepada orang awam bermula 1 Oktober 2021 dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang

Aktiviti jogging, berbasikal, senaman



Dibenarkan dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2-3 meter di kawasan terbuka

Vaksin



Hanya bagi pengunjung yang telah lengkap 2 dos suntikan vaksinasi

Selaras dengan arahan MKN, aktiviti berkumpulan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
Jumlah pengunjung adalah 50% berdasarkan keluasan taman.

www.ppj.gov.my | Putrajaya | perbadananputrajaya | putrajayacorp

Aplikasi konsep taktikal dan teknikal sebaik mungkin

Hazim bersyukur kombinasi serasi bersama pasangan

AINI MAWAWI

ATLET bola tampar pantai Wilayah Persekutuan, Mohd Hazim Shah Abd Rahman menyifatkan gandingannya bersama pasangan Mohamad Rizwan Rahman serasi dan sukar untuk dilepaskan.

Ini kerana menurut atlet berusia 22 tahun itu, persefahaman dalam sukan berpasukan memerlukan usaha yang gigih daripada kedua-dua belah pihak dan memakan masa untuk dipupuk.

“Saya bersyukur kerana dikurniakan bukan sahaja gandingan ketika bermain tetapi juga seorang sahabat yang setia. Kunci keserasian antara kami adalah dengan mengetepikan ego demi kejayaan bersama,” ujarnya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, kombinasi mereka tepat kerana kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama iaitu muhu melakar kejayaan sehingga ke peringkat antarabangsa dalam tempoh tiga tahun akan datang.



“Kami banyak berbincang berkeraan konsep taktikal dan teknikal sebelum berdepan dengan pihak lawan dan menggunakan sebaik mungkin. Dalam sukan bola tampar pantai, konsep ini sangat penting,” ujarnya.

Menjadikan atlet bola tampar pantai Brazil, Bruno sebagai idola dalam sukan tersebut, Mohd Hazim bagaimanapun mengakui pandemik COVID-19 yang melanda dunia menjelaskan pencapaianya dalam bola tampar pantai.

“Banyak kejohanan yang terpaksa ditangguhkan. Kali terakhir beraksi pun pada tahun 2020 sebelum pandemik. Jadi, agak sukar sebenarnya untuk menyerlah lebih-lebih lagi latihan yang dijalankan juga terhad.

“Saya akui kebanyakan atlet turut merasai perkara yang sama namun terpaksa akur dengan situasi semasa ketika ini. Diharapkan semuanya akan kembali seperti biasa agar dapat kembali mengejar impian yang tertunda,” ujar pe-



MOHD HAZIM (kiri) bersama gandingannya.

ili sekolah ketika itu dalam sebarang kejohanan sehingga pada akhirnya memilih untuk berjat aktif.

“Saya bersyukur kerana mendapat sokongan dari pada keluarga dan rakan-rakan dan yang pasti mereka akan bangga dengan pencapaian saya dalam arena sukan ini sedikit masa lagi,” ujarnya lagi. WK

Kejayaan Mohd Hazim

2020 - Terbuka Perlis
- Tempat Ketiga

2020 - World Tour Langkawi
- Kumpulan

2019 - Terbuka Tioman, Johor
- Tempat Ketiga

Instagram : @hazimshah99



Abdul Latif terima insentif RM150,000 daripada kerajaan negeri Perlis

PEMENANG pingat emas Sukan Paralimpik Tokyo 2020 bagi acara lompat jauh T20 (kecacatan intelektual) iaitu Abdul Latif Romly hari ini menerima insentif berjumlah RM150,000 daripada Kerajaan Negeri Perlis sebagai pengiktirafan terhadap kejayaan beliau.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man berkata penghargaan itu diberikan kerana Abdul Latif, 24, berjaya mengharumkan nama negara seterusnya Perlis melalui pingat yang disumbang beliau kepada tanah air.

“Seluruh rakyat Perlis hari ini menumpang kejayaan yang diberikan oleh Abdul Latif, yang juga anak jati negeri ini. Jadi, kerajaan negeri buat keputusan untuk memberikan insentif kepada beliau,” katanya.

Terdahulu, beliau menyerahkan insentif itu kepada Abdul Latif, yang hadir bersama-sama ibu bapanya iaitu Salmah Yatim dan Romly Mat, di Pejabat Menteri Besar.

Azlan turut memaklumkan Perlis akan mewujudkan dua anugerah iaitu olahragawan dan olahragawati mulai tahun depan untuk memberikan penghargaan kepada atlet yang mengharumkan nama negeri itu.

“Satu jawatankuasa akan ditubu-



ABDUL LATIF (dua kiri) sejurus menerima insentif.

hkan di bawah Majlis Sukan Negeri (MSN) bagi menilai kriteria atlet yang layak diberikan anugerah itu,” katanya.

Sementara itu, Abdul Latif ketika ditemui berkata beliau kini ‘berehat’ di rumahnya di Beseri selama sebulan hingga akhir Oktober ini sebelum kembali ke MSN Bukit Jalil bagi meneruskan sesi latihan.

“Buat masa ini, jurulatih (Shahrul Amri Suhaimi) bagi saya balik sini

rehat dulu, nanti balik ke sana saya akan sambung semula latihan sebagai persediaan menyertai kejohanan di luar negara,” katanya.

Beliau akan menyertai Kejohanan Olahraga Para Dunia di Kobe, Jepun serta Sukan Para ASEAN di China dan Vietnam tahun depan.

Untuk rekod, Abdul Latif pernah memenangi pingat emas pada Sukan Paralimpik Rio pada 2016 bagi acara sama. - BERNAMA

Singapura tuan rumah Piala Suzuki AFF 2020

SINGAPURA diumumkan sebagai tuan rumah kepada kejohanan bola sepak ASEAN yang paling berprestij Piala Suzuki 2020, yang akan berlangsung dari 5 Disember hingga 1 Januari tahun hadapan.

Perkara itu diumumkan secara ringkas dalam Facebook Piala Suzuki.

Presiden Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Mejar Jen Khiev Sameth berkata pada kali ini, kejohanan itu akan berlangsung di satu venue berpusat disebabkan ancaman COVID-19, berbanding format kandang dan tandang (*home-and-away*), bermula dari peringkat awal sehingga perlawanan akhir.

Kejohanan yang sepertutnya dianjurkan hujung tahun lepas, ditunda setahun disebabkan pandemik COVID-19.

Edisi kali ini menyaksikan Malaysia diundi dalam Kumpulan B, bersama juara bertahan Vietnam, dan musuh tradisi Indonesia selain Kemboja dan Laos.



Tuan rumah Singapura akan berada dalam Kumpulan A bersama Thailand, Myanmar, Filipina dan pemenang peringkat kelayakan antara Brunei dan Timor-Leste.

Pasukan kebangsaan menujuai kejohanan itu pada 2010 dan menduduki tempat kedua pada 1996, 2014 dan 2018, menjadi salah sebuah daripada empat negara yang pernah menujuai kejohanan dwitahunan itu yang bermula pada 1996.

Thailand menujuainya sebanyak lima kali (1996, 2000, 2002, 2014 dan 2016), diikuti Singapura empat kali (1998, 2004, 2007 dan 2012) makanala Vietnam dua kali iaitu pada 2008 dan 2018. - BERNAMA

Hazim bersyukur kombinasi serasi bersama pasangan ►►28



DBKL kaji larang kakitangan bawa kereta setiap Jumaat

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menjalankan kajian untuk melarang pegawai dan kakitangan mereka membawa kendaraan ke pejabat pada setiap Jumaat bagi merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya kurang karbon.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata, perkara tersebut merupakan salah satu cadangan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi mengurangkan pelepasan karbon di bandaraya.

"Perkara ini sedang dalam kajian lagi dan kalau boleh saya hendak minta pegawai-pegawai dan pekerja DBKL yang mana berulang dari rumah ke pejabat dengan menggunakan kereta untuk cuba dahulu.

"Mereka guna pengangkutan awam dan tinggalkan kereta di rumah masing-masing atau di stesen pengangkutan awam berhampiran rumah dan tempat parkir di kawasan bangunan DBKL akan ditutup setiap Jumaat," katanya.

Beliau berkata kepada media selepas Majlis Perasmian Sustainable Development Goals (SDG) Centre di Perpustakaan Kuala Lumpur yang dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada Selasa.



LARANGAN bawa kereta merupakan program untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi mengurangkan pelepasan karbon di bandaraya.

Hadir sama, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Ketua Pegawai Eksekutif Urbanice Malaysia, TPr Norliza Hashim.

Tambahnya, pihaknya turut memperkenalkan program *dress down* pada setiap Jumaat sebagai satu penghayatan kepada rendah karbon di DBKL.

"Pada setiap Jumaat, kita *dress down*, kita pakai pakaian yang tidak terlalu tebal, baju yang agak nipis dan kakitangan lelaki akan berpakaian lengan pendek dan berwarna cerah supaya tidak terlalu panas.

"Pendingin hawa di tempat kerja

tidak terlalu sejuk dan dinaikkan kepada 25 darjah agar pelepasan karbon diminimakan," katanya.

Dalam pada itu, Mahadi berkata, pihaknya turut akan membangunkan ladang-ladang solar di beberapa tasik sekitar bandaraya.

"Kita melihat, negara jiran Singapura telah bergerak ke arah itu. Kita mempunyai banyak tasik yang boleh digunakan untuk membangunkan ladang solar.

"Tenaga yang terhasil dari ladang solar ini akan dimanfaatkan bagi menggantikan tenaga fosil yang kita gunakan ketika ini," katanya. WK

Laluan berbasikal Wangsa Maju ke KLCC siap hujung tahun ini

KEMUDAHAN laluan basikal dan pejalan kaki sejauh 13 kilometer (km) sepanjang Sungai Bunus dari Seksyen Satu Wangsa Maju hingga ke Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun depan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata penyeidiaan laluan khas itu kini pada tahap 50 peratus siap dengan laluan dari Seksyen Satu Wangsa Maju ke Taman Sri Rampai sudah boleh dilalui pengguna basikal dan pejalan kaki.

"Lepas itu ada sedikit 'missing link' dan dekat sekitar Ayer Panas sudah ada (laluan)..." kemudian kita sambung laluan itu lagi di tepi Jalan Semarak dan lalu di



MAHADI

peri perumahan Gurney terus ke Sungai Bunus di sini yang juga menghubungkan Taman Tasik Titiwangsa.

"Dari Taman Tasik Titiwangsa pula akan melintasi Jalan Tun Razak dan lalu di

tepi rizab sungai bersebelahan Institut Jantung Negara sebelum kita berada di Kampung Baru yang sudah ada laluan khas yang boleh digunakan, sebelum berakhir di KLCC melalui lintasan Saloma," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di program *plogging* @ Sungai Bunus bersempena Sambutan Hari Sungai Sedunia di bawah projek

Sungai Nadi Kehidupan Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21KL) baru-baru ini.

Mengenai program itu Mahadi berkata budaya *plogging* yang berasal daripada Sweden boleh dijadikan satu amalan warga kota ketika berjoging untuk menjadikan sesuatu kawasan rekreasi atau taman menjadi lebih bersih dan selamat.

Menurutnya 64 kilogram sisa sampah berjaya dikumpul semasa aktiviti *plogging* baru-baru ini yang melibatkan jarak lebih dua km di sekitar Kolam Takungan Banjir Sunai Bunus. WK

Dolla 'Blackpink Malaysia' angkat martabat wanita, lawan penindasan

DEEL ANJER

RAMAI memuji melodi dan mesej yang disampaikan menerusi lagu *Berani* nyanyian kumpulan Dolla.

Kumpulan yang mendapat jolokan 'Blackpink Malaysia' ini berkata, lagu *Berani* mengisahkan tentang pemerkasaan wanita melalui sistem sokongan.

"Lagu *Berani* ini ditujukan kepada wanita dan mahu mengangkat martabat kaum hawa menerusi semangat juang dengan bangkit melawan penindasan dan ketakutan."

"Pada zaman ini, seseorang wanita perlu keluar daripada segala ketakutan dan mengantikannya dengan semangat berani serta menunjukkan kepada dunia bahawa dia tidak takut, dia berani dan berdikari. Wanita perlu berani."

"Jadi, jelas tema yang ingin disampaikan dan diketengahkan menerusi lagu ini adalah



DOLLA angkat martabat wanita menerusi Berani.

semangat dan membangkitkan keberanian dalam diri wanita.

"Bukan apa, hari ini masih ramai wanita yang takut untuk berubah kerana berasaskan diri mereka lemah. Disebabkan itu, wanita perlu sentiasa ada sokongan yang kuat dari orang sekeliling," kata salah seorang anggota Dolla iaitu Sabronzo.

"Jadi apa yang membuatkan lagu ini istimewa adalah Dolla menjadikan *Berani* ini se-

menurut Sabronzo lagi, tema yang diketengahkan dalam lagu *Berani* itu ditujukan khas buat peminat setia mereka yang sudah banyak memberikan sokongan dari awal kemunculan Dolla.

"Jadi apa yang membuatkan lagu ini istimewa adalah Dolla menjadikan *Berani* ini se-

bagai lagu dedikasi buat seluruh peminat kami yang digelar iDolla.

"Mereka setia memberikan sokongan dan sentiasa berada bersama kami. Itu sudah cukup memberikan motivasi dan inspirasi kepada kami untuk terus berjaya dan memberikan yang terbaik dalam bidang muzik ini."

"Jadi, harapan Dolla adalah semoga iDolla dan peminat muzik tempatan boleh menghargai lagu *Berani* ini dan hayati mesejnya agar kita semua terus bangkit memajukan diri setelah 'jatuh' ketika pandemik COVID-19," jelas Sabronzo yang mahukan wanita kembali bersemangat menjalani kehidupan yang pentu cabaran ini.

Berkongsi lanjut mengenai video muzik *Berani* yang diarahkan oleh Thaqif Saadon itu, Sabronzo berkata terdapat beberapa faktor yang menjadikan video muzik berkenaan lain daripada yang lain.

"Pertama adalah penggunaan

medium animasi dalam menggambarkan Dolla dalam suatu alam yang berbeza. Dengan masa yang diberikan, kami sepenuh tenaga mengumpulkan segala kudrat untuk menghasilkan video muzik yang kami percaya akan mengangkat martabat karya berkoncepcion animasi ini ke tahap yang lebih tinggi."

"Dari segi teknikal juga, kami mengaplikasikan beberapa teknik baharu agar membolehkan penyampaian dari imaginasi kami ke dalam bentuk video."

"Perkara itu adalah penggunaan Projeksi 2D ke atas bahan 3D membolehkan kami melakukan adegan dan juga animasi yang kami tidak boleh buat sebelum ini."

"Dari segi penyampaian cerita juga, kami cuba yang terbaik untuk menyampaikan suatu cerita fantasi yang bergantung kepada penonton untuk huraikan dan impretasikan diri mereka sendiri," tambahnya lagi. WK